

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 115 ● 21 - 25 MEI 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) SEBARAN UMUM

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Annuar komited vaksinkan warga PPR/PA, harap KKM, MOSTI lulus

DAKWAAN kelewatan pemberian vaksin kepada rakyat Malaysia masih lagi timbul walaupun kerajaan sudah melaksanakan pelbagai langkah termasuk pengaktifan unit bergerak vaksinasi COVID-19 yang berlangsung sejajar Program Imunisasi COVID-19

Kebangsaan.

Justeru, melihatkan situasi semasa yang semakin membimbangkan dengan rekod jangkitan harian wabak melebihi angka 6,000 kes, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa mengambil langkah proaktif

dengan mengesyorkan perkhidmatan trak di bawah Program MYMedic@ Wilayah.

Ia bagi membolehkan program tersebut dilaksanakan di sekitar kawasan projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam (PA) serta kampung tradisi.

Bagi Annuar, dengan langkah itu, usaha mengawal penularan wabak COVID-19 dapat dipercepatkan selain membolehkan aktiviti imunisasi dilakukan secara menyeluruh.

BERITA LANJUT DI MUKA 3

Sumber gambar : The Star

Penduduk sokong Wangsa Maju jadi perintis bandar hijau

CADANGAN Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjadikan Wangsa Maju sebagai bandar berteknologi hijau pertama di negara ini disokong penduduk tempatan yang ditemui Wilayahku.

Bagi mereka, 'bandar hijau' perlu diwujudkan seiring dengan pembangunan pencakar langit mahupun kawasan penempatan penduduk.

Ini kerana, kata, Richardson D'Cruz, dahulu kawasan Wangsa Maju dipenuhi dengan tumbuhan hijau namun setelah banyak pembangunan dilakukan, tumbuhan-tumbuhan hijau seperti gunung-ganang dan pokok tanaman semakin dihapuskam.

"Dahulu seawal tahun 1985 ketika Seksyen 1 Wangsa Maju baru dibina, kawasan ini dikelilingi tumbuhan hijau tapi setelah banyak bangunan dibina, kawasan hijau bertukar menjadi pembangunan."

"Di hadapan blok rumah saya ini juga dahulunya merupakan kawasan padang seluas empat padang bola tetapi kini sudah dijadikan sebuah bandar pembangunan," katanya ketika ditemui Wilayahku baru-baru ini.

Malah dia bersama penduduk di Seksyen 1 pernah memanggil peguam untuk membantah tindakan pembinaan bangunan di kawasan sekitar tetapi mereka percaya bahawa tindakan itu adalah percancangan terbaik untuk membangunkan kawasan Wangsa Maju.



RICHARDSON



BERITA LANJUT DI MUKA 2 DAN 3

Pemasangan teknologi hijau kurangkan bil elektrik

Panel solar bantu bandar rendah karbon

DARI MUKA DEPAN

HAZIRAH HALIM

MAJORITI penduduk sekitar Wangsa Maju, Kuala Lumpur sambut baik pelaksanaan Projek Teknologi Hijau di lokasi penempatan mereka seperti yang diumumkan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah baru-baru ini.

Ini kerana, kata **Richardson D'Cruz**, 54, yang tinggal di sekitar lokasi terlibat, selain pembinaan bangunan pejabat dan penempatan, masyarakat juga amat memerlukan oksigen yang hanya dapat diperoleh daripada tumbuhan hijau.

Justeru, di samping bersetuju dengan pelaksanaan projek kerajaan tempatan, dia mencadangkan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dapat membaiki taman-taman rekreasi sedia ada di setiap kawasan Seksyen 1 terlebih dahulu.

"Saya rasa kalau laluan jogging, basikal dan taman rekreasi seperti Sungai Bonus dicantikkan, ia akan lebih bagus kerana pengunjung boleh meluangkan masa sambil menghirup udara segar," jelasnya.

Richardson juga memuji inisiatif DBKL memasang panel solar di bumbung kawasan perumahan, yang dilihat sebagai langkah proaktif ke arah bandar rendah karbon selain berpeluang merasai pembayaran bil elektrik yang sangat rendah.

"Selain itu, Wangsa Maju mampu menjadi bandar hijau dan kurang pencemaran udara kerana penjanaan elektrik menyebabkan pencemaran tinggi, kalau kita dapat tenaga matahari melalui



NORMAIZAH



EKHMAL



HALIM



ABD AZIZ

salur tenaga solar di semua blok kita dapat memulihkan kesihatan bumi.

"Sistem pengangkutan yang tersusun kepada penduduk Wangsa Maju juga dapat mengurangkan penggunaan kendaraan," jelasnya.

Senada dengan usaha yang dilaksanakan itu, **Normaizah Ismail**, 42, berkata, ia berikutan, pelaksanaan tersebut boleh menjimatkan bil elektrik pada masa sama membantu mengurangkan kebergantungan pengguna kepada pembekal utama elektrik (Tenaga Nasional Berhad) di Malaysia.

"Dengan pemasangan panel solar ini ia membantu mengurangkan pembebasan karbon dioksida yang boleh menipiskan ozon.

"Bahan bakar untuk menghasilkan elektrik semakin kurang di sebabkan pencemaran alam sekitar," tambahnya sambil berharap projek berkenaan dirancang sebaiknya sejarah dengan penambahbaikan yang dijadualkan.

IMPAK NEGATIF ELEKTRIK DIKURANGKAN

Sementara itu, **Ekhmal Afandi**, 24, berkata, pelaksanaan bandar teknologi hijau di bandar kota membangun iaitu Wangsa Maju adalah langkah terbaik.

"Penggunaan tenaga elektrik secara berlebihan memberikan impak negatif kepada alam sekitar, jadi inisiatif DBKL untuk meletakkan panel solar dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar," jelasnya.

Ekhmal memberitahu, pembinaan kawasan hijau di kawasan penempatannya juga dapat mendidik penduduk setempat untuk mengamalkan cara hidup yang lebih sihat melalui penambahbaikan yang bakal dilaksanakan.

Dia juga berharap, pihak DBKL dapat melaksanakan projek berkenaan dengan jayanya dan menjadikan Wangsa Maju sebagai sebuah bandar berteknologi hijau yang menjadi contoh kepada negara luar.

Menurut **Halim Idris**, 53, penggunaan elektrik berlebihan antara penyumbang kepada pencemaran alam sekitar, oleh itu DBKL perlu memperbanyak tumbuhan hijau di sekeliling Seksyen 1 di samping menjadikan laluan sehala bagi mengurangkan penggunaan kendaraan.

Bagi **Abd Aziz Arshad**, 50, pulalah, DBKL perlu meneliti dahulu kawasan-kawasan yang sesuai untuk melaksanakan projek teknologi hijau dan tenaga solar.

"Pada pandangan saya, pihak DBKL tidak perlu melaksanakan-



PEMASANGAN sistem tenaga solar untuk rumah teres setingkat bagi pengurangan bil elektrik TNB bulanan. - Foto: SUNCROX solar

nya di semua kawasan untuk peringkat awal sebaliknya membuat satu ujian di satu blok sahaja dengan mencantikkan kawasan menerusi pemasangan tenaga solar termasuk tumbuhan hijau.

"Penggunaan tenaga solar sangat membantu kerana ia dapat mengurangkan tenaga elektrik. Sekiranya satu blok itu berjaya dilaksanakan, barulah diperluaskan di blok-blok lain," katanya.

Menjelas mengenainya, Abd Aziz berkata, dia turut menyokong inisiatif DBKL untuk meningkatkan kawasan hijau di Wangsa Maju, namun pihak berkuasa perlu menyelenggara dahulu kawasan sekeliling supaya lebih cantik dan baik.

Aziz turut memberi cadangan agar pihak DBKL melakukan kajian atau mendapatkan pandangan penduduk terlibat untuk mengetahui peratusan bilangan penduduk yang bersatu dengan pelaksanaan projek.

Baru-baru ini, Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah memaklumkan, Seksyen 1 Wangsa Maju akan dipilih sebagai lokasi projek perintis bandar berteknologi hijau dan bebas karbon.

Projek Teknologi Hijau yang diuterji Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan DBKL itu dilihat dapat membantu mengurangkan penggunaan bekalan tenaga elektrik dan pencemaran alam sekitar. **WK**

Produktiviti buruh suku pertama 2021 alami penurunan marginal 0.4 peratus

PRODUKTIVITI buruh per pekerja Malaysia pada suku pertama tahun ini mengalami penurunan marginal 0.4 peratus berbanding negatif 2.9 yang dicatatkan pada suku keempat 2020, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Mengulas laporan Produktiviti Buruh Suku Tahun Pertama 2021, Ketua Perangkaan, **Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin** berkata penurunan marginal produktiviti buruh pada suku pertama 2021 itu merupakan kejatuhan paling kecil sejak produktiviti buruh negara mula menyusut pada suku pertama 2020.

Menurutnya, pada suku pertama 2021, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menguncup 0.5 peratus manakala pekerja yang direkodkan ialah seramai 15.2 juta orang, justeru nilai ditambah per peker-

ja pada suku pertama itu adalah sebanyak RM22,516 per pekerja.

"Pada suku ini, keadaan ekonomi masih dipengaruhi dengan usaha mengekang COVID-19 menerusi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengulas prestasi produktiviti buruh yang diukur mengikut nilai ditambah per jam bekerja, Mohd Uzir berkata jumlah jam bekerja pada suku pertama 2021 merekodkan 8.5 bilion jam bekerja berbanding 8.6 bilion jam yang dicatatkan pada suku keempat 2020 (ST4 2020).

Produktiviti buruh yang diukur mengikut nilai ditambah per jam bekerja pada suku pertama 2021 adalah RM40.2 per jam berbanding RM40 per jam pada suku pertama 2020, katanya.

Mengikut sektor ekonomi, Mohd Uzir berkata sektor pembuatan mencatat-

kan peningkatan produktiviti buruh per pekerja bagi tempoh tiga suku tahun berurut-urut, iaitu ia meningkat 5.9 peratus pada suku pertama 2021 manakala pada ST4 2020 ialah 3.2 peratus.

Produktiviti buruh mengikut nilai ditambah per jam bekerja, beliau berkata sektor pembuatan mencatatkan pertumbuhan tertinggi iaitu 8.5 peratus berbanding enam peratus pada ST4 2020.

Empat subsektor pembuatan merekodkan pertumbuhan dua digit iaitu minuman & produk tembakau (22.8%), peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembawaan (12.9%), produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (12.8%) dan produk elektrik, elektronik & optikal (11.3%), katanya.

Sektor pembinaan mengalami penurunan terbesar bagi produktiviti buruh per jam bekerja dengan kadar negatif 8.6 peratus pada suku pertama 2021 berbanding negatif 6.7 peratus pada suku sebelumnya. **WK**



MOHD UZIR

SAJAK

DEMI PALESTINA

Palestin dibadai lagi bedilan menjadi cahaya dendki yang meranapkan bahagia dan sejahtera walau hati kental dan pasrah warga palestin tabah dalam doa dan ikhtiar.

Palestin di mata kami, adalah airmata saudara yang dizalimi pada wilayah yang dirampas asalnya silaknat menumpang yang kemudiannya menjadi hipokrasi dan lupa asal diri.

Palestin di hati kami, ada doa dan kemanusiaan kami kirimkan bersama nawaitu jauh biar penjenayah yang zalim dan somborg itu akan segera hancur dan kembali menjadi manusia!

- M. SYAZWI

MYMedic@Wilayah untuk program imunisasi di PPR

DARI MUKA DEPAN

NAZWIN NAZRI

REKOD terkini jangkitan harian wabak COVID-19 di seluruh negara yang diumumkan Kementerian Kesihatan (KKM) pada 20 Mei lalu iaitu 6,806 kes, menjadikan hampir keseluruhan rakyat Malaysia panik serta bimbang dengan keselamatan diri terutama pekerja yang terdedah secara langsung dengan orang awam.

Malah, daripada jumlah itu, Selangor mencatatkan kes tertinggi iaitu 2,277 kes manakala Wilayah Persekutuan, 707 kes baharu dan pada masa sama, turut dimaklumkan adalah Semenanjung tidak mempunyai kawasan ‘hijau’ yang bebas jangkitan wabak.

Keadaan itu mendorong warganet meluahkan rasa kekecewaan di laman sosial sehingga ‘Road to 10k (10,000)’ yang membawa maksud 10,000 kes jangkitan harian dibincangkan

di Twitter sejurus pengumuman KKM.

Menyedari situasi getir tersebut, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa menzahirkan harapan agar KKM serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dapat memberi kelulusan untuknya menganjurkan program vaksinasi di projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam (PA) secara menyeluruh.

Beliau berkata demikian menerusi laman Twitter rasminya pada Rabu lalu selepas mendapat kes jangkitan baharu melebihi 6,000.

“Saya masih mengharap dapat kelulusan KKM dan MOSTI agar saya dapat anjurkan ‘mobile vaccine truck’ untuk program vaksinasi di PPR/PA dan kampung tradisi.

“Semoga dengan itu, kita dapat percepatkan lagi usaha immunisasi bagi Wilayah Persekutuan. Insya-Allah,” ciapnya di Twitter.

Ciapan terbaharunya itu dilakukan selepas permohonan bagi



PADA masa ini, MYMedic@Wilayah menyediakan rawatan asas dan pemeriksaan percuma menerusi klinik bergerak kepada warga kota yang kurang berkemampuan secara mingguan.

program vaksinasi bergerak dimuat naiknya di Twitter pada 16 Mei lepas.

Dalam status itu, Annuar memo-

hon pertimbangan KKM bagi membolehkan pemberian vaksin dilakukan di kawasan tertentu di bawah pemilikan Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL).

Jelas beliau, Kementerian Wilayah Persekutuan terus komited untuk membantu warganya mendapatkan vaksin dengan lebih cepat tambahan pula pihaknya mempunyai klinik bergerak di bawah Program MYMedic@ Wilayah yang diperkenalkan pada tahun lalu.

Katanya, menerusi program itu, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan menyediakan kira-kira 10 trak untuk pemeriksaan kesihatan warga PPR dan PA.

“Saya cuba pohon KKM pertimbangkan ‘mobile vaccine trucks’ untuk kawasan tertentu DBKL. Saya sedia menawarkan 7-10 trak MYMedic@Wilayah untuk tujuan ini jika diluluskan. Saya harap ia dipertimbangkan,” ciapnya.

Untuk rekod, MYMedic@ Wilayah menyediakan rawatan asas dan pemeriksaan percuma menerusi klinik bergerak kepada warga kota yang kurang berkemampuan secara mingguan. WK

Wangsa Maju perintis bandar rendah karbon pertama di Malaysia

DBKL tangkas tangani perubahan iklim

SEKSYEN 1 Wangsa Maju dikenal pasti sebagai kawasan perintis untuk projek teknologi hijau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menangani perubahan iklim.

Wangsa Maju bakal menjadi bandar pertama berteknologi hijau di Kuala Lumpur, melalui projek perintis yang diterajui oleh Jabatan Pelaksanaan Projek Dan Penyelenggaraan Bangunan DBKL.

Seksyen 1 akan dijadikan kawasan projek ujiannya untuk mendorong penyertaan aktif dari pihak berkepentingan, termasuk penduduk dan perniagaan swasta.

“Keterlihatan adalah kunci. Daripada pengalaman saya, tidak ada yang lebih meyakinkan orang lain daripada melihat dan mengalami sekiranya sesuatu projek itu berjaya.

“Itulah merupakan sebab kami memilih Seksyen 1 Wangsa Maju sebagai projek perintis kami untuk inisiatif perbandaran sifar karbon pertama,” kata Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dalam satu tembual dengan akhbar *The Star* pada Isnin.

“Kami mahu masyarakat mengalami faedah hidup di sebuah bandar yang mesra alam.

“Setelah mereka mengalaminya sendiri, mereka akan lebih memahami dengan lebih mendalam akan maksudnya dan ia akan lebih mudah untuk membuat mereka mengikuti rancangan pihak DBKL yang lebih luas dalam kapadatan ruang hijau,” ujarnya.

Selama lima tahun kebelakangan ini, DBKL telah mempercepat usahanya untuk menjadi kota tanpa karbon dan untuk menghilangkan jejak karbon sambil menangani

perubahan iklim.

Pasukan petugas ditubuhkan pada tahun 2019 untuk berusaha mencapai matlamat Pelan Induk Masyarakat Karbon Rendah Kuala Lumpur 2030.

“Sejak Pelan Induk itu dilancarkan empat tahun yang lalu, kami telah berjaya mengurangkan pelepasan karbon di bandar sebanyak 54 peratus,” katanya, sambil menambah bahawa DBKL berharap dapat mencapai sasaran 70 peratus pada tahun 2030.

“Cara terbaik untuk meyakinkan masyarakat tentang manfaat sosial dan ekonomi yang timbul dari tindakan iklim bandar adalah dengan menunjukkan kepada mereka bahawa tindakan untuk menangani perubahan iklim dapat menguntungkan penduduk dan perniagaan di kawasan tersebut.

“Mereka dapat memiliki keadaan hidup dan kerja yang lebih baik, kualiti udara yang lebih baik, sungai yang lebih bersih, pengurangan kesesakan dan penurunan bil elektrik.

“Sekarang adalah masa untuk bertindak dan kami percaya bahawa dari keuntungan bersama ini, kami dapat meyakinkan para pihak berkepentingan untuk melabur untuk memadatkan lagi ruang hijau.”

Mahadi berharap Seksyen 1 akan memberi inspirasi kepada penduduk kota, di daerah lain, untuk menikmati kehidupan hijau.

MENGAPA SEKSYEN 1?

Wangsa Maju yang terdiri



MAHADI

daripada Seksyen 1,2,3,4,5,6 dan 10, ditubuhkan pada tahun 1980-an.

Kita harus kembali kepada persoalan keterlihatan.

“Wangsa Maju dipilih kerana merupakan salah satu kota terbesar di Kuala Lumpur dan terancang dengan baik dengan pusat pertumbuhan baru,” kata Mahadi, sambil menambah bahawa kemudahan awam seperti sekolah, pusat perniagaan dan pusat pengangkutan berpusat supaya lebih mudah untuk memperbaikinya.

DBKL kini sedang mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan yang berminat untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk mengubah Seksyen 1 menjadi model bandar bebas karbon.

Sebahagian kerja merangkumi pembinaan rangkaian laluan pejalan kaki, trek jogging dan laluan basikal menaik taraf pagar anti-penuaan di sepanjang kawasan perumahan serta trek jogging/berbasikal Sungai Bonus di belakang Projek Perumahan Rakyat Wangsa Sari.

Terdapat rancangan untuk membina taman rekreasi dengan pokok-pokok yang ditanam di sepanjang jalan bagi penduduk bandar.

“Dengan infrastruktur tersebut, kami berharap dapat mendorong masyarakat untuk berjalan dan berolahraga dengan lebih banyak dan kurangkan memandu.

“Masyarakat hanya boleh menggunakan kaedah pemanduan jika ia benar-benar diperlukan dan akan ada pencemaran yang kurang dan

udara bersih untuk masyarakat yang lebih sihat,” kata Mahadi.

DBKL juga membayangkan menukar tempat kosong menjadi taman berlandskap atau ladang berkonsepkan pertanian bandar di kawasan bandar.

TENAGA SOLAR

Beralih ke tenaga solar untuk membantu mengurangkan penggunaan elektrik bagi meningkatkan kesedaran teknologi hijau di Wangsa Maju.

Beliau merancang untuk melakukan projek ini dengan bekerjasama bersama syarikat swasta.

“Sekiranya kita dapat menggunakan tenaga yang boleh diperbaharui seperti cahaya matahari, kita dapat menjimatkan wang dan itu akan lebih kurang memudaratkan alam sekitar.

“Oleh itu, kami merancang untuk memanfaatkan tenaga itu dengan memasang panel solar pada asset kami di Wangsa Maju.

“Sebagai contoh, misalnya, ambil lampu jalan. Kami merancang untuk memasang 76 unit lampu bertengara suria di sepanjang trek jogging Sungai Bonus dengan sensor yang beroperasi dari jam 7 pagi hingga 7 malam,” katanya sambil menambah bahawa penggunaan tenaga hanya 30 peratus jika tiada pergerakan.

Mahadi juga mengatakan bahawa DBKL bekerjasama dengan syarikat swasta seperti Aeon Wangsa Maju yang berminat untuk merancang membina panel solar 800kW di atas bumbungnya.

Pihak berkuasa tempatan juga mengadakan perbincangan dengan sekolah seperti SK Wangsa Maju

Seksyen 1 untuk memasang panel 315kW di atas bumbung lapan bangunan sekolah.

Bagi unit kediaman, 86 blok pangaspuri lima tingkat telah dikenal pasti untuk pemasangan panel solar 15-20kW di atas bumbung.

Pembinaan ladang solar di kolam penahanan banjir berdekatan Jalan Rejang Semarak juga sedang dalam perancangan.

Setelah diluluskan dan dibina, Mahadi yakin bahawa bangunan-bangunan ini akan mengalami penurunan pelepasan gas rumah hijau dan mengalami persekitaran yang lebih sejuk serta udara yang lebih bersih.

“Melalui projek-projek ini, kami berharap penggunaan elektrik dapat dikurangkan sebanyak 50 peratus.

“Maklum balas positif pihak berkepentingan akan mendorong lebih banyak masyarakat untuk sukarela bertukar menjadi tenaga boleh diperbaharui,” katanya, sambil menambah bahawa ini akan berkesan dalam mengurangkan pelepasan karbon dan memerangi pemanasan global.

DBKL akan bekerjasama dengan SEDA (Sustainable Energy Development Authority Malaysia), SWCorp, Alam Flora, TNB, dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk memastikan kejayaan projek ini.

“Kami bekerjasama dengan perunding UTM berkaitan hal ini.

“Setelah rancangan selesai, kami berharap dapat melaksanakannya satu per satu.

“Mudah-mudahan pada akhir tahun ini, kita dapat keterlihatan dan melihat data untuk dikongsi,” kata Mahadi. WK

Annuar bimbang warga kota bawa pulang COVID-19

AZLAN ZAMBRY

MENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa melahirkan kebimbangan terhadap warga kota yang pulang ke Kuala Lumpur selepas bercuti kerana dikhawatir turut membawa virus COVID-19 ke ibu kota.

Beliau berkata, melalui beberapa foto yang tular baru-baru ini yang menunjukkan ramai warga kota balik juga beraya walaupun ada sekatan kerana mereka telah mendapat kebenaran dan sebagainya.

"Kita takut ada yang datang dari luar Kuala Lumpur terutama dari zon merah dan membawa pulang virus tersebut ke sini," katanya kepada *Wilayahku* selepas melawat Kebun Hijrah Warrior di Anjung Kelana dekat Taman Desa Selasa.

Annuar berkata, pihaknya kini sedang memantau perkara itu dan berharap kes di Kuala Lumpur akan terus kekal rendah.

Buat masa ini secara relatifnya ia agak rendah tetapi kita sentiasa beringat dan memantau keadaan terutama sekali di pasar raya yang dibuka.

"Saya nasihatkan kepada orang ramai kalau tidak ada perkara yang terlalu mustahak, tidak usah pergi dan lebih baik duduk di rumah sahaja," katanya.

Terdahulu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba memberikan bayangan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lebih ketat



ANNUAR bimbang virus COVID-19 dibawa warga kota yang pulang dari luar Kuala Lumpur setelah meraikan Hari Raya Aidilfitri minggu lalu.

akan dilaksanakan di Selangor berikut kes positif COVID-19 mencatatkan pertambahan mendadak melebihi 1,000 kes setiap hari.

Mengulas mengenai perkembangan tersebut, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan (JKKNWP) berkata pihaknya tidak bercadang untuk mengetarkan lagi PKP di Kuala Lumpur.

"Situasi di Kuala Lumpur ketika

ini agak terkawal dan kes jangkitan COVID-19 mencatatkan kurang daripada 300 kes pada 17 Mei lalu dan kita sentiasa memantau dengan ketat.

"Apa yang disebut oleh menteri (Adham) itu ialah memberi bayangan supaya ada persiapan mental.

"Biasanya kalau didapati kes terus merebak maka kita kena bersedia untuk mengambil langkah-langkah yang lebih drastik," katanya. **WK**

Penggunaan 30 peratus tenaga solar untuk semua projek baru - DBKL

SEMUA projek pembangunan masa hadapan di Kuala Lumpur, sama ada secara komersial atau kediaman, perlu menggunakan sekurang-kurangnya 30 peratus tenaga solar.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** menegaskan keperluan itu kini menjadi sebahagian daripada syarat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang dikenakan terhadap projek pembangunan baru.

"Kami telah mengenakan syarat ini dalam proses persetujuan, dan pemaju kini mesti memasukkan syarat tersebut sebagai sebahagian

daripada rancangan projek mereka.

"Kita mesti bergerak seiring dengan masa kerana tenaga yang boleh diperbaharui (solar) adalah sebahagian dari masa hadapan.

"Tenaga yang boleh diperbaharui dapat membantu memerangi pelepasan gas rumah hijau, lebih bersih dan lebih baik untuk alam sekitar," kata Mahadi dipetik daripada laporan StarMetro.

Mahadi berharap dapat melihat lebih banyak bangunan dan harta tanah

kediaman di bandar beralih kepada tenaga yang boleh diperbaharui kerana ia akan menjadi lebih murah dalam jangka masa panjang.

Kata tanya, teknologi hijau adalah salah satu cara untuk mengurangkan beban kewangan pengguna.

"DBKL membelanjakan purata sebanyak RM76 juta setahun untuk bil elektrik.

"Ini diperlukan untuk meningkatkan aset bandar seperti lampu jalan, taman, pejabat, Balai Raya,

kemudahan sukan, stadium dan kemudahan lain.

"Sekiranya kita mengurangkan penggunaan kuasa, kita dapat menggunakan wang itu untuk perkara lain seperti membina lebih banyak infrastruktur untuk mempromosikan hidup yang lebih sihat," katanya.

Menggunakan tenaga yang boleh diperbaharui juga bermaksud dapat meningkatkan kesihatan awam.

"Selain dari fakta bahawa ia lebih bersih dan kurangnya pelepasan karbon yang akan berlaku, masyarakat menjadi lebih sihat dan kadar jangka hayat juga akan lebih lama," tambah Mahadi. **WK**



MAHADI

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@ayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com

Syahidi Bakar

diwilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecapri@gmail.com
Mohd Affandy Annur
affandywilayahku@gmail.com
Mohd Fadly Bharudin
fadlybharudin@gmail.com
Taufik Mohd Pauze
kikywilayahku@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwkvt@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@ayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@ayasanwp.org.my
V Kumar Veeran
veeran101@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@ayasanwp.org.my
Jumaitul Laily Zakiah Ismail
jumaitul@ayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm88@gmail.com

PELATIH INDUSTRI

Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre
Nur Hazirah Mohamed Halim
Diana Syuhada Mohd Amir
Muhammad Adib Zailani

CERITA KEDAI KOPI



Apa erti PKP jika keadaan ini terus berlaku?

MENJELANG Hari Raya Aidilfitri, pergerakan trafik ke arah Pantai Timur berbondong-bondong sehingga menyebabkan kesesakan di Plaza Tol Gombak dan Bentong. Rekod sehingga 17 Mei pula sekali lagi menunjukkan kesesakan berlaku di lokasi sama, kali ini mengarah ke Kuala Lumpur.

Ke mana arah tujuan kenderaan ini sebelum Aidilfitri ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa dan rentas daerah dan negeri tidak dibenarkan? Dari mana pula datangnya banyak kenderaan cuba melewati tol Bentong dan Gombak sehingga catatan pada 17 Mei itu?

Secara logiknya pergerakan ke pantai timur sebelum hari raya tentunya menuju ke negeri-negeri di sebelah sana, sama ada Pahang, Terengganu atau Kelantan.

Bagaimana pula banyak kenderaan boleh melepas sekatan? Adakah mereka mempunyai kebenaran merentas atau saja mencuba nasib. Banyak kenderaan diarah berpatah balik, bererti nasib tidak menyebelahi mereka.

Tetapi bagaimana dengan yang lepas? Adakah kesemuanya memenuhi kriteria alasan seperti ditetapkan oleh pihak berkuasa? Jika pun syarat dipenuhi, adakah menasabah jumlah mereka yang mendapat kebenaran ini begitu ramai sehingga berlaku kesesakan, terutama di plaza tol?

Setelah berjaya balik ke kampung halaman, mereka bersesak-pula kembali ke ibu negara. Difahamkan, dari puluk 8.30 malam 16 Mei hingga 1.30 pagi 17 Mei, Lebuhraya Karak menghala ke Kuala Lumpur sesak teruk. Menjelang puluk 2.30 pagi 17 Mei, kenderaan masih berbaris panjang untuk melepas tol.

Ini berlaku dalam keadaan beberapa lebuhraya lain sunyi, termasuk Lebuhraya Utara Selatan. Ini menunjukkan pergerakan yang banyak dan sesak ialah menghala ke pantai timur. Senang sahaja balik raya ke kampung dan kemudian kembali ke Kuala Lumpur. Dalam proses itu tidak mustahil mereka menjadi penyebar COVID-19 ke kampung halaman atau membawa pulang COVID-19 ke ibu negara.

Persoalan yang timbul ialah apa erti PKP jika keadaan ini berlaku dan dibiarkan terus berlaku? Kenapa ramai bersifat pentingkan diri merentas negeri dan daerah ketika pandemik COVID-19 masih mengganas?

Ramai yang patuh operasi prosedur standard (SOP) dan PKP dengan menyambut hari raya bersama keluarga di rumah. Tetapi nampaknya ada kelompok yang tidak pedulikan ini semua asalkan dapat balik berhari raya.

Jika perangai seperti ini dibiarkan berterusan, matlamat mengekang penularan COVID-19 pasti sukar dicapai. Kedegilan orang ramai menyebabkan angka jangkitan melonjak naik. Akibatnya, kita sendiri yang menanggung padahnya.



“

Marilah kita semua mendoakan kesejahteraan rakyat Palestin yang kini sedang ditindas dan dizalimi oleh rejim Israel.

Semoga rakyat Palestin akan mendapat perlindungan daripada kezaliman rejim Israel dan pencerobohan haram Israel ke atas bumi Palestin segera berakhir.

”

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin
Bin Haji Mohd Yassin
Perdana Menteri



SOLIDARITI PALESTIN

Malaysia, Indonesia, Brunei

BERSATU KUTUK KEZALIMAN ISRAEL

604 unit lampu bermotif hari raya sinari Putrajaya sepanjang Syawal



AINI MAWAWI

BIARPUN tahun ini merupakan kali kedua umat Islam meraikan Syawal dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) namun itu bukanlah menjadi alasan untuk tidak menyambut kedatangan bulan yang mulia ini.



SUASANA meriah membangkitkan perasaan teruja warga Putrajaya.

Sungguhpun ramai yang berduka kerana tidak dapat pulang ke kampung namun bulan yang penuh berkah ini tetap diraikan dengan penuh kemeriahian oleh semua umat Islam.

Di Putrajaya misalnya, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini dilimpahi dengan sinaran lampu-lampu bermotifkan hari raya yang menarik seperti lampu berbentuk ketupat, bintang, bulan

dan sebagainya. Menurut Arkitek di Jabatan Perancangan Bandar Perbadanan Putrajaya (PPj), Mohd Hafiz Abdul Khalek, pemasangan lampu-lampu menarik tersebut dilakukan bagi mewujudkan perasaan teruja warga Putrajaya untuk menyambut Syawal.

"Lampu-lampu ini dipasang bermula awal Ramadan lalu sehingga akhir bulan Syawal ini. Selain di jalan-jalan utama, pemasangannya juga meliputi bahagian yang mempunyai ramai penduduk."

"Projek ini mula dilaksanakan pada tahun 2019, ketika itu ia merupakan projek perintis namun pada tahun lalu ketika negara mula dilanda virus COVID-19 maka kami terus melaksanakannya dengan memasang sebanyak 382 unit lampu pada bulan Ramadan dan Syawal," ujar beliau.

Tambah be-

liau lagi, pada tahun ini PPj menambah bilangan unit lampu tersebut kepada 604 unit bagi memberikan kesan kemeriahian yang lebih lagi kepada warganya yang tidak dapat pulang ke kampung.

"Insya-Allah

kita akan menambahbaik dari semasa ke semasa untuk memastikan Putrajaya sentiasa dalam suasana yang penuh keterujaan setiap kali tiba Syawal," ujarnya kepada Wilayahku.

Kata beliau lagi, pada sambutan Aidilfitri akan datang PPj berhasrat untuk menghiasi Putrajaya dengan hiasan lampu-lampu yang merintangi jalan raya.



LAMPU bermotifkan raya dipasang sepanjang jalan di Putrajaya.

"Kita tertarik dengan hiasan lampu-lampu di bandaraya Kuala Lumpur dan Geylang Serai, Singapura, sangat menarik dan meriah," ujar Mohd Hafiz. **WK**

PKP 3.0 : Warga Putrajaya boleh terus beriadah

WARGA Putrajaya boleh terus melakukan aktiviti sukan dan rekreasi biarpun Taman-Taman Awam Putrajaya ditutup ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di seluruh Malaysia bermula 12 Mei hingga 7 Jun 2021.

Menurut Naib Presiden Lanskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya, **Nik Shukri Nik Soh**, aktiviti sukan dan rekreasi tanpa bersentuhan fizikal itu bebas dilakukan di kawasan lapang sekitar Putrajaya.

"Aktiviti tersebut terhad kepada jogging, berbasikal dan senaman. Pada masa sama mereka perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang disarankan kerajaan," ujar beliau kepada Wilayahku.

Katanya, arahan penutupan taman itu dilakukan sehingga satu tarikh yang akan diumumkan kelak.

Tambah beliau, ia melibatkan semua taman awam yang terdapat di Putrajaya.

"Antaranya adalah Taman Wetland, Taman Botani, Taman Rimba Alam, Taman Warisan Pertanian, Taman Wawasan, Taman Putra Perdana, Taman Pancarona

dan Taman Saujana Hijau," ujar beliau.

Dalam pada itu, PPj turut menutup operasi kemudahan kompleks sukan, pusat pembelajaran kejiranan dan kompleks kejiranan di bawah seliaan PPj sepanjang tempoh PKP.

Antara lokasi yang ditutup sementara adalah Taman Cabaran Putrajaya, Presint 5; Padang Bola Sepak Sintetik Presint 8; Kompleks Futsal, Presint 18; Kompleks Sukan Taman Pancarona; Pusat Pembelajaran Kejiranan Presint 8, 9, 11 dan 16; Kompleks Kejiranan Presint 9, 11 dan 16 serta Dewan Serbaguna Presint 8.

Pun begitu, perkhidmatan perkuburan dan krematorium masih beroperasi seperti biasa.

Sepanjang tempoh PKP, PPj terpaksa menghentikan operasi yang melibatkan interaksi bersemuka bagi mengekang penularan wabak COVID-19 antaranya penutupan operasi pusat perkhidmatan pelanggan kompleks PPj.

Penutupan tersebut melibatkan operasi kaunter bagi perkhidmatan aduan dan pertanyaan, bayaran, sewaan dewan dan kompleks PPj, perlesenan (layan diri), OSC (pusat teknikal setempat). **WK**



TAMAN WETLAND yang menjadi tumpuan pengunjung beriadah bersama keluarga, ditutup sementara waktu.

WAKTU OPERASI PERNIAGAAN DI PUTRAJAYA
(Perintah Kawalan Pergerakan)
Tempoh Berkukuasa: 12 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021

DIKEMASKINI PADA
18 Mei 2021

OPERASI LAIN-LAIN PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN <ul style="list-style-type: none"> • KEDAI PERABOT • KEDAI EMAS • KEDAI CERMIM MATA • KEDAI BUKU / ALATULIS <p>WAKTU OPERASI 6.00 pagi - 10.00 malam</p>	PASARAYA / PUSAT BELI BELAH <ul style="list-style-type: none"> • RESTORAN, KEDAI / GERAI MAKAN • MEDAN SELERA / KIOSK <p>WAKTU OPERASI 6.00 pagi - 10.00 malam</p>
KENDERAAN SAJI (FOOD TRUCK) <p>*Dine in tidak dibenarkan, hanya take away</p> <p>WAKTU OPERASI 6.00 pagi - 10.00 malam</p>	STESEN MINYAK <p>WAKTU OPERASI 6.00 pagi - 10.00 malam</p>
PASAR AWAM PRESINT 8 & PRESINT 16 <ul style="list-style-type: none"> • MY FARM OUTLET <p>WAKTU OPERASI 7.00 pagi - 2.00 petang</p>	FARMASI <ul style="list-style-type: none"> • KEDAI JUALAN UBAT • KEDAI KEPERLUAN HARIAN • KEDAI RUNCIT / SERBANEA • DOBI SERVIS & LAYAN DIRI <p>WAKTU OPERASI 6.00 pagi - 10.00 malam</p>
PASAR TANI <ul style="list-style-type: none"> • PASAR AWAM PRESINT 8 & PRESINT 16 • MY FARM OUTLET <p>WAKTU OPERASI 4.00 petang - 10.00 malam</p> <p>*Dengan pengawasan SOP ketat oleh PBT/FAMA/RELA</p>	PEMBELIAN DAN PENGIRIMAN <ul style="list-style-type: none"> • KLINIK / HOSPITAL (Kerajaan & Swasta) • KLINIK / KEDAI MAKANAN HAIWAN • ACARA JUALAN / BAZARIA / CARBOOT SALE • AKTIVITI YANG MENARIK KUNJUNGAN RAMAI <p>WAKTU OPERASI 24 Jam</p>
AKTIVITI TIDAK DIBENARKAN (NEGATIVE LIST) <ul style="list-style-type: none"> • BAZAR LARUT MALAM • SALON • SPA • PANGGUNG WAYANG • MAJLIS SOSIAL • REFLEKSLOGI • PUSAT HIBURAN & PUB • PEMAKAIAN PEDICURE & MANICURE • SEMINAR, BENGKEL, KURSUS, LATIHAN, PERSIDANGAN, CERAMAH, PAMERAN, MESYUARAT & AKTIVITI SECARA BERSEMUKA <p>TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI SEPAНNGAN TEMPOH PKP</p>	PEMATUHAN SOP <ul style="list-style-type: none"> • PENJARAKAN FIZIKAL 1 METER • NYAH KUMAN PREMIS/TAPAK • IMBAS QR CODE MYSEJAHTERA • MERKOD SUHU BADAN • PENGGUNAAN HAND SANITIZER • KAWALAN PINTU MASUK DAN KELUAR <p>WAKTU OPERASI 6.00 pagi - 10.00 malam</p>

*TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN / PERATURAN YANG DIKELUARAKAN DARI SEMASA KE SEMASA OLEH MKN

Miskin bandar dan kesihatan mental



DATUK DR BUDIMAN MOHD ZOHDI

SATU kajian oleh Bank Negara Malaysia (BNM) menganggarkan seorang dewasa berstatus bujang yang tinggal di Lembah Klang perlu memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM2,700 sebulan pada tahun 2016 bagi membolehkannya menjalani kehidupan yang selesa, manakala pasangan berkahwin dengan dua orang anak memerlukan sekitar RM6,500 sebulan.

Data yang diperoleh daripada Jabatan Perumahan Negara (JPN) pada tahun 2017 pula menunjukkan 65.8 peratus ketua keluarga di Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara negara berpendapatan di bawah RM2,000 sebulan. Data yang sama menunjukkan purata pendapatan ketua keluarga PPR di Kuala Lumpur hanyalah RM1,994.40.

Angka itu mungkin telah berubah sedikit sekarang. Pada 1 Februari 2021, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa mengumumkan bahawa lebih 30,000 keluarga daripada 1.8 juta penduduk di Kuala Lumpur memiliki pendapatan di bawah RM2,200 (AS\$538) sebulan. Masih jauh daripada garis keselesaan yang diletakkan oleh BNM.

Sebenarnya sukar untuk mendapatkan data lengkap tentang jumlah penghuni Kuala Lumpur yang terperangkap dalam kepompong kemiskinan. Ini kerana wujudnya kes-kes 'kemiskinan tersembunyi', di mana terdapat ramai lagi golongan berpendapatan rendah yang tidak mendaftar atau didaftarkan dalam senarai-senarai yang sepatutnya seperti e-Kash dan lain-lain.

Mereka ini mungkin terdiri daripada kalangan yang tidak mempunyai maklumat tentang bantuan-bantuan yang disediakan oleh kerajaan atau mempunyai maklumat tetapi memilih untuk bersikap tidak peduli.

Tidak sedikit juga mereka yang hidup kais pagi makan pagi yang tidak cenderung hendak berkongsi maklumat peribadi dengan sesiapa atas sebab-sebab tersendiri. Mereka menjadikan usaha memerangi kemiskinan bandar bertambah sulit dan sukar.

Semuanya ini, sama seperti ketua keluarga yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan, turut menerima kesan daripada kemunculan dan penularan

“Setiap rakyat mengalami kesan langsung daripada pandemik itu serta segala sesuatu yang datang bersamanya. Namun dibandingkan dengan semua golongan lain, mereka yang tergolong dalam kelompok miskin bandar merupakan golongan yang paling terjejas.”

pandemik COVID-19.

Malah Bank Dunia dalam satu laporannya merumuskan bahawa pandemik itu bukan sahaja menyebabkan golongan miskin bandar bertambah miskin, tetapi juga akan menyebabkan lebih ramai penduduk bandar jatuh miskin.

Pada Oktober 2020, bank itu mengeluarkan amaran bahawa 115 juta penduduk dunia berdepan dengan kemiskinan pada tahun 2021. Dengan berpanjangannya COVID-19 bermakna jumlah yang dijangka itu tentunya turut meningkat.

Daripada ratusan juta yang dijangkakan oleh Bank Dunia itu, sebahagiannya pastilah berlaku di Malaysia dan daripada yang 'jatuh miskin' di Malaysia itu, jumlah terbesarnya mungkin berada di Kuala Lumpur.

COVID-19 membawa bersamanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mempunyai 'sirinya': PKP, PKPB, PKPD, PKPP yang setiap satunya memberi kesan kepada kehidupan melalui munculnya peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi dan norma-norma baharu yang perlu diterima sebagai tuntutan kehidupan.

Belum pernah terjadi dalam sejarah rakyat tidak dibenarkan pergi bekerja, atau lebih digalakkan bekerja dari rumah.

Tidak pernah berlaku juga majikan diarahkan memberi cuti kepada pekerja atau perniagaan tidak dibenarkan dibuka atau dibenarkan dibuka dengan syarat-syarat tertentu yang ketat.

Semuanya perlu dilakukan demi kepentingan bersama, untuk kesihatan, untuk keselamatan dan untuk masa depan.

Setiap rakyat mengalami kesan langsung daripada pandemik itu serta segala sesuatu yang datang bersamanya. Namun dibandingkan dengan semua golongan lain, mereka yang tergolong dalam kelompok miskin bandar merupakan golongan yang paling terjejas.

Dalam keadaan tanpa SOP



KELOMPOK miskin bandar merupakan golongan yang paling terjejas selepas munculnya pandemik COVID-19 secara langsung terdedah kepada kerisauan, kebimbangan dan semuanya yang berkaitan dengan kesihatan mental.

dan norma baharu pun kehidupan mereka telah cukup sukar, bayangkanlah apabila mereka perlu berhadapan dengan peraturan dan larangan yang bukan sahaja membataskan pergerakan tetapi juga mengehadkan peluang untuk memperoleh pendapatan.

COVID-19 menyebabkan banyak perniagaan 'gulung tikar', sekali gus mengakibatkan ramai yang hilang pekerjaan.

Yang bernasib baik masih mempunyai kerja tetapi dipotong gaji kerana majikan perlu menjimatkan kos.

Peluang memperoleh pendapatan tambahan melalui kerja lebih masa terjejas, kalaupun tidak tertutup terus.

Untuk bermula kecil-kecilan bagi mencari pendapatan sampingan, masalahnya bukan sahaja modal tetapi juga saingan yang cukup sengit kerana sejak pandemik bermula kebanyak orang yang hilang pekerjaan memilih perniagaan kecil sebagai jalan keluar. Dan jumlah mereka bukan sedikit.

Kerajaan memang telah mengambil pelbagai langkah untuk membantu. Usaha itu juga berterusan melalui pelbagai jabatan dan agensi.

Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan juga turut sama menyumbang dengan cara masing-masing. Namun semuanya sekadar mampu 'meringankan' beban. Hanya setakat itu.

Realitinya mereka yang miskin dan terjejas itu perlu menjalani kehidupan yang lebih sukar daripada sebelum kemunculan COVID-19.

Dalam tempoh lebih setahun, keperluan hidup secara relatifnya tentulah semakin banyak.

Kos sara hidup bergerak naik.

tahap kebimbangan maksimum, hanya satu takuk di bawah tahap tidak sihat 0.80 kebimbangan maksimum.

Angka itu menunjukkan yang perasaan bimbang terhadap masalah sosioekonomi yang berkaitan pandemik COVID-19 bagi purata rakyat Malaysia kian meruncing.

Saya mengharapkan kaji selidik yang sama dilakukan secara khusus kepada golongan miskin bandar kerana dalam kes seperti ini kajian secara rambang tidak dapat membantu usaha-usaha rawatan dan pemulihan dalam erti kata sebenar.

Dengan memfokuskan kajian kepada golongan tertentu yang diyakini terjejas teruk kehidupannya gara-gara COVID-19, bukan sahaja langkah untuk membantu dan merawat boleh direncanakan, tetapi juga langkah untuk membendung boleh perincikan.

Mengharapkan golongan ini tampil mengadu dan meminta bantuan mungkin sukar, oleh yang demikian wujud keperluan untuk mendekati mereka bagi mengetahui dan memahami di mana duduknya upaya mental mereka dalam menghadapi situasi yang serba gawat ini.

Mereka tidak harus dibiarakan menjadi korban penyakit yang bahayanya seolah-olah tidak kelihatan, tetapi impaknya amat besar terhadap sosio-ekonomi negara.

Yang tidak kurang pentingnya, kita tidak mahu di sebalik kemilau cerak kemajuan, bilangan orang yang menghidap sakit mental dan sakit jiwa bertambah.

Nama kolumn 3M adalah singkatan kepada Melawan Maksud Miskin yang akan memfokuskan isu berkaitan kemiskinan



SAHABAT DARI KOTA

Kepada sahabat dari kota adakah dikau bisa melihat kesungguhan para petani menuai gigih di bendang kendiri ataupun yang bisa dikau menata adalah pengorek hidraulik bandar yang cuba memamah tanah sekuju!

Bertandanglah ke kampungku pasti jua bertambah erti kealaman mencari malam yang lebih gelita siang yang lebih tenang bersinar akan dikau mencintainya!

Lim Wei Wen
Universiti Teknologi Malaysia
9 Mei 2021

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Jangan sampai nasi jadi bubur!

KEHANGATAN Hari Raya Aidilfitri sudah berlalu. Walaupun Syawal sebulan, biasanya keriangan suasana hari raya hanya dirasai dalam seminggu Syawal.

Apatah lagi dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, kegembiraan Aidilfitri tentu tidak semeriah tahun-tahun sebelum pandemik COVID-19 melanda.

Tahun lalu juga hari raya disambut dalam keadaan ‘berkurung’. Tidak boleh balik ke kampung halaman dan tidak boleh ziarah-menziarahi sesua hati.

Justeru tahun ini apabila sekali lagi ‘terkurung’, ia diterima sebagai norma baharu. Kata orang alah bisa tegal biasa.

Namun Adi ingin mengajak semua, terutama warga Wilayah Persekutuan, mengimbau dan menghayati sejenak kenapa seluruh negara terpaksa menyambut Syawal dalam keadaan ‘terikat’. Pasti semua menyedari ia tidak lain tidak bukan kerana ancaman COVID-19 yang masih mengganas di seluruh negara.

Sebagai usaha mengekang penularan pandemik ini, PKP dilaksanakan di seluruh negara mulai 12 Mei sehingga 7 Jun.

Namun tiada jaminan PKP akan ditamatkan apabila tiba tarikh tamat jika situasi COVID-19 masih mengancam rakyat dan negara.

Aspek inilah yang Adi mahu orang ramai faham dan bersikap serius untuk sama-sama membantu mengekang penularan wabak pembunuhan ini.

Sementara kehangatan hari raya sudah menurun, bahaya COVID-19 belum menampakkan tanda-tanda akan menurun. Di bulan Ramadan dan awal Syawal kes harian terus berlegar dalam lingkungan yang tinggi.

Kes baharu pernah mencatat sehingga 4,855 pada 13 Mei dan berlegar dalam angka lebih 4,000 lebih untuk beberapa hari.

Misalnya pada 14 Mei berjumlah 4,133 dan pada 15 Mei 4,140 kes. Jika turun pun mencapai angka jauh melepas 3,000 kes, seperti pada 16 Mei berjumlah 3,780. Namun pada 17 Mei kembali meningkat kepada 4,446 kes.

Angka kematian harian juga berada pada tahap tinggi. Pada 14 Mei sebanyak 34 kematian dicatatkan, Pada 15 Mei 44 kematian dan pada 16 Mei 36 kematian. Pada 17 Mei angka kematian naik kembali kepada 45 orang.

Ertinya kebelakangan ini indikator jangkitan dan kematian jelas menyerlahkan ia bukan sesuatu yang menggembirakan. Usaha untuk menurunkan kes dan melandaikan graf penularan belum menampakkan hasil menggembirakan.



KAPASITI katil hospital bagi menempatkan pesakit COVID-19 di Lembah Klang telah mencapai tahap maksimum namun masih terdapat segelintir rakyat yang tidak mengendahkan SOP yang telah ditetapkan.

Adi tekankan ini kerana ramai di kalangan kita yang menganggap ringan isu ini. Mereka seolah-olah tidak peduli dengan keadaan genting yang berlaku sekarang. Bagi mereka cerita-cerita menakutkan mengenai COVID-19 dianggap seperti main-main sahaja.

Kerana itulah golongan ini kerap kali mengabaikan prosedur operasi standard (SOP). Mereka mengabaikan peraturan memakai pelitup muka dan tidak mempedulikan langsung penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter.

Sedar atau tidak, kerana sikap tidak bertanggungjawab inilah secara tidak langsung menjadikan kelompok ini sebagai penyebar COVID-19. Orang sihat dan tidak bersalah terkena tempias dan dijangkiti akibat sikap buruk mereka.

Kelompok ini tidak mengindahkan arahan pematuhan kepada SOP untuk mengekang jangkitan. Mereka tidak bersympati dan menghormati petugas barisan

hadapan atau *frontliners* yang bertungkus lumus mengorbankan masa dan tenaga cuba mengekang jangkitan dan melindungi orang ramai daripada dijangkiti.

Sebaliknya balasan di sebalik pengorbanan mereka ialah orang ramai mengabaikan SOP. Lihatlah bagaimana orang ramai bersesak dan mengabaikan penjarakan fizikal di bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri baru-baru ini.

Ada pula yang mengadakan perhimpunan atau majlis berbuka yang terang-terang melanggar SOP.

Apa kesombongan yang mereka cuba tunjukkan?

Adi meminta orang ramai insaf dan sedar bahawa bertambahnya kes jangkitan COVID-19 bermakna keperluan untuk barisan hadapan juga meningkat.

Keperluan untuk mereka tidak dapat ditambah dengan segera dan mendadak seperti mendadaknya kenaikan kes jangkitan.

Kerana itu tenaga yang ada

“Angka kematian harian juga berada pada tahap tinggi. Pada 14 Mei sebanyak 34 kematian dicatatkan, Pada 15 Mei 44 kematian dan pada 16 Mei 36 kematian. Pada 17 Mei angka kematian naik kembali kepada 45 orang.

terpaksa digunakan sepenuhnya.

Kasihanilah mereka kerana mereka juga insan seperti kita yang kemampuan serta kekuatan tenaga terhad. Akibat terbeban dengan kerja, mereka menjadi penat serta boleh mengundang risiko pada kesihatan fizikal dan mental.

Tidak kurang ramai pula antara petugas barisan hadapan ini sendiri yang menjadi mangsa dijangkiti COVID-19 dalam usaha membantu dan merawat pesakit.

Apakah ini langsung tidak mencetuskan simpati di hati kita?

Di samping itu ingin Adi ingatkan, kapasiti katil hospital bagi menempatkan pesakit COVID-19 di Lembah Klang khususnya, sudah mencapai tahap maksimum.

Seperti disebutkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, kadar penggunaan katil rawatan kritis (ICU) di Lembah Klang secara keseluruhannya telah mencapai 90 peratus.

Situasi ini melibatkan Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Sungai Buluh, Hospital Ampang, Hospital Serdang, Hospital Selayang dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

Keadaan ini dianggap mencapai tahap kritis kerana sudah jauh melebihi ambang amaran 70 peratus penggunaan. Dengan kes baharu harian yang masih tinggi sehingga mencecah 4,800, sudah pasti keadaan ini sangat membimbangkan.

Tidakkah kita dapat merasai kebimbangan ini, terutama kelompok yang sering mengabaikan SOP?

Ambil serius peringatan Dr. Noor Hisham. Jika kadar jangkitan tidak berkurang dan dilandaikan, implikasinya sangat menakutkan, malah boleh melumpuhkan sistem rawatan dan penjagaan pesakit seperti yang berlaku di negara luar.

Adakah kita mahu ini berlaku di negara ini?

Sebagai langkah proaktif mendepani situasi ini, pihak berkuasa mewujudkan 80 katil rawatan kritis di sekitar Lembah Klang secara *repurposed* atau ubah fungsi penggunaan bagi memenuhi keperluan jumlah pesakit kritis COVID-19.

Selain itu di wad biasa, Adi difahamkan, jumlah katil yang diubah fungsi kepada katil kritis juga akan ditambah menurut keperluan.

Inilah usaha kerajaan bagi memenuhi keperluan rawatan pesakit COVID-19. Namun sementara kerajaan melaksanakan pelbagai langkah untuk memastikan pengendalian pesakit COVID-19 dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin, orang ramai jangan menutup mata atau lepas tangan.

Mereka juga ada tugas dan tanggungjawab penting membantu kerajaan dan membantu diri sendiri.

Jika hendak dibandingkan dengan pengorbanan barisan hadapan, sumbangan yang yang diharapkan daripada orang ramai jauh lebih kecil dan lebih mudah. Duduk di rumah dan sentiasa patuhi SOP.

Sukar sangatkah memakai pelitup muka dan menjaga penjarakan fizikal serta tidak keluar rumah jika tidak perlu?

Selalu sematkan di hati ‘*kita jaga kita*’. Ingkar kepada SOP bukan hanya membahayakan diri dan keluarga, tetapi juga orang sekeliling yang tidak berdosa. Lebih daripada itu, usaha mengekang penularan COVID-19 juga menjadi sangat sukar.

Oleh itu Adi berharap orang ramai sedar dan insaf situasi genting yang dihadapi negara sekarang. Kepada mereka yang masih beranggapan kelentik COVID-19 sekarang ringan atau cuba menganggap ia hanya main-main, sedarlah diri. Beringatlah sebelum keadaan menjadi lebih parah. Jangan sampai nasi menjadi bubur!

- Adi Tuah

Adi Tuah

SKETSA



SAJAK

OH SYAWAL

Syawal kali ini yang jauh kita bertemu di dalam cahaya tanpa hulur tangan, kita masih mengucapkan “maaf zahir dan batin”.

Dan Syawal kali ini kanak-kanan hanya akan melihat warna dan warna terlukis di dinding dan lantai di tingkap yang terbuka ada garis yang tebal ditutup oleh nasib diuji oleh sabar.

Di Syawal ini, perjuangan dan kemenangan masih berpanjangan.

M. Syazwi
Balai Seni Negara, Langkawi.

IDEA DAN CADANGAN BELANJAWAN DBKL 2022



Warga kota adalah dipelawa dan dialu-alukan untuk menyalurkan idea dan cadangan bagi memastikan Belanjawan DBKL 2022 dapat disediakan mengikut keperluan warga kota.

10 PROGRAM UTAMA

- 6) Perumahan Awam & Perumahan Rakyat
- 7) Kesejahteraan Komuniti
- 8) Pengurusan Penjaja & Peniaga Kecil
- 9) Kebudayaan, Sukan & Pelancongan
- 10) Tempat Letak Kereta, Hentian Bas & Siar Kaki

- 1) Pembersihan Bandar
- 2) Kesihatan
- 3) Jalan Raya & Saliran
- 4) Lampu Jalan & Kemudahan Lalu Lintas
- 5) Penghijauan, Penyenggaraan Taman, Tanah Lapang dan Kemudahan Rekreasi

Portal Idea Belanjawan DBKL 2022

[https://cutt.ly/ideabelnjawandbkl2022](https://cutt.ly/ideabelanjawandbkl2022)

Portal Idea Belanjawan DBKL 2022 dibuka selama **dua (2) bulan** bermula **1 April 2021 hingga 31 Mei 2021**.



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



WWW.DBKL.GOV.MY

Sumbangan YWP bantu tingkat prestasi Fakhrul Hakimie dalam sukan

Penerima zahir syukur, terima kasih

NAZWIN NAZRI

KEMALANGAN yang berlaku kepada Muhammad Fakhrul Hakimie lima tahun lalu bukan hanya mematangkan dirinya, malah menjadikannya lebih bersemangat untuk cemerlang di masa hadapan.

Malah anak kepada pasangan **Mohd Fauzi Abdul Manap** dan **Nurfarhana Mat Saad** itu, bercita-cita menjadi seorang atlet pemanah berjaya.

Menurut Mohd Fauzi yang bertugas sebagai Pembantu Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), anaknya kini berpeluang mencapai cita-cita apabila Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menghulurkan sumbangan wang tunai bagi membeli peralatan memanah seperti yang diperlukan.

Katanya, sebelum ini, Fakhrul Hakimie bermain untuk sukan memanah bagi kategori paralimpik selepas kaki kirinya dipotong pada paras lutut.

"Pada masa itu, persatuan



**YAYASAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**

menyediakan peralatan berkaitan. Tetapi sekarang ini bila umur sudah meningkat, kelab tidak dapat memenuhi keperluan dia.

"Oleh itu saya cuba memohon bantuan dengan YWP memandangkan sukan memanah memerlukan modal yang besar bagi membeli dan menyediakan kelengkapannya," katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Mohd Fauzi memberitahu, bantuan tersebut merupakan permohonan pertama yang dilakukannya.

Justeru, ujarnya, diharapkan dengan bantuan tersebut, Fakhrul Hakimie dapat meningkatkan lagi prestasi dan masa hadapannya sekali gus dapat terus menjadi wakil sekolah serta kelab dalam kejohanan sukan memanah bagi kategori paralimpik.

Terdahulu, penyerahan sumbangan disempurnakan Datuk



MOHD AZRAN (empat kiri) dan Mohd Fauzi menunjukkan sumbangan yang diterima mereka daripada pihak YWP. Turut serta Zaizalnizam (tiga kiri) dan Mahadi (dua kanan).

Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah bersama Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun.

Turut sama menerima sumbangan, **Mohd Azran Ridzwan**, 34, yang juga berkhidmat di Jabatan Penguatkuasaan DBKL.

Menurut Mohd Azran, sumbangan kerusi khas untuk anak-



FAKHRUL HAKIMIE gembira baka mendapat peralatan memanah yang baharu.

nya yang menghidap sakit saraf amat bermakna.

Katanya, dengan adanya kerusi



ADUAN

PERTIWI

WhatsApp
: 013-680 6666
: 013-688 7777

DBKL

Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8000 8000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852




Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

tersebut, urusan untuk memandikan anaknya menjadi lebih mudah.

"Kedua-dua anak saya mengalami sakit saraf, yang sulung berusia 12 tahun baru sahaja meninggal dunia akibat penyakit yang dihidapinya.

WK



PERKHIDMATAN pandu lalu yang disediakan di Pulse Grande Hotel, Putrajaya memudahkan pelanggan membeli dan mematuhi SOP.

Trend hidangan hotel lima bintang ke rumah

AINI MAWAWI

WARGA Putrajaya kini boleh menikmati hidangan istimewa hotel lima bintang di rumah dengan harga berpatutan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Bagi merealisasikan impian mereka yang teruja dengan menu yang terdapat di hotel mewah, Pengurus Besar Pulse Grande Hotel, Putrajaya, **Wan Mohd Azhar Wan Ahmad Shuky** tampil dengan idea baru melalui Big Roundabout Drive-In.

Idea kreatif tersebut membolehkan orang ramai membeli hidangan yang terpilih dengan kaedah pandu lalu di lobi hotel tersebut sepanjang tempoh

PKP.

Wan Mohd Azhar berkata, konsep pandu lalu itu bagi menyokong usaha kerajaan untuk mengekang penularan wabak COVID-19.

Pun begitu, katanya, bagi yang tidak berpeluang untuk ke lokasi, pihaknya menyediakan khidmat pesanan melalui talian (010-2285353) atau Facebook Pulse Grande Hotel yang mana hidangan dihantar terus ke pintu rumah.

"Pelbagai menu menarik dipersembahkan bermula sarapan pagi, tengah hari serta minum petang seperti nasi kerubu, nasi kukus ayam goreng berempah, dim sum dan banyak lagi.

"Menu serendah RM2 ini akan

ditambah baik dari semasa ke semasa. Contohnya pada minggu ini, kita ada cendol bujang, cendol pulut kuning, cendol kacang merah dan cendol mangga," ujar beliau kepada Wilayahku.

Bercerita lanjut tentang inovasi baru ini, Wan Mohd Azhar berkata, ini juga merupakan salah satu inisiatif pihak pengurusan untuk menjana pendapatan pihak hotel sepanjang tempoh PKP.

"Pada masa sama, kita juga ingin mempromosikan hotel ini yang baru sahaja dua tahun beroperasi. Jika selama ini ramai yang menganggap hidangan di hotel mahal namun kita ingin memecahkan tanggapan tersebut," katanya. WK

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA DALAM E-PAPER

Wilayah Ku MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN (E-PAPER)

FULL PAGE		26cm X 33cm	RM500
HALF PAGE		26cm X 17cm	RM300
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	RM200
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	RM200
W K niaga (tidak lebih 20 patah perkataan)			RM10

KADAR HARGA IKLAN (PORTAL ONLINE)

Wilayah Ku	FRONT BANNER 1080px X 96px	RM2,500
IKLAMAN DI MEDIA SOSIAL	MIDDLE BANNER 1080px X 280px	RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500



DITERBITKAN 2 KALI SEMINGGU

MENCAPAI 200,000 PEMBACA SETIAP EDISI

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

Palestin... Kuala Lumpur bersamamu



Foto: MOHD YUSNI MARIFFIN

AMIN FARID HASAN

CAHAYA berwarna hijau, putih dan merah dipancarkan ke Menara ikonik, Menara Kuala Lumpur bermula dari 15 hingga 22 Mei 2021 sebagai tanda solidariti rakyat Malaysia susulan serangan tentera Zionis Israel terhadap rakyat Palestin.

Pihak pengurusan Menara Kuala Lumpur merasakan tanggungjawab untuk

berkongsi kesedaran dengan rakyat Malaysia khasnya untuk terus prihatin terhadap isu-isu kemanusiaan seperti ini.

“Sebagai rakyat Malaysia yang mencintakan keamanan dan keharmonian, marilah kita bersama-sama mendoakan kesejahteraan rakyat Palestin.” kata Ketua Pegawai Eksekutif, Menara Kuala Lumpur, **Ainol Shaharina Sahar.**

WK



SIMBOLIK sokongan kepada perjuangan menentang kezaliman terhadap Palestin melalui pencahayaan yang dilihat dari kejauhan.



MALAYSIA antara negara yang tidak menyokong kezaliman rejim Zionis terhadap penduduk Palestin.

Empat juadah sihat musim perayaan



SABRINA SABRE

TAHUN ini sambutan Hari Raya Aidilfitri mungkin tidak sama seperti sebelumnya memandangkan kita tidak dibenarkan untuk pulang ke kampung halaman bagi mengelak penularan COVID-19 yang sedang berleluasa.

Bagaimanapun kemeriahan sambutan perayaan tidak

patut dihadkan lokasi semata-mata, sebaliknya hidangan juga memainkan peranan penting. Di mana pun kita berada juadah musim perayaan adalah penting untuk seisi keluarga.

Tapi hati-hati, jangan terlebih makan, nanti boleh jadi masalah yang lain.

Wilayahku bersumberkan Bahagian Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia menyenaraikan empat hidangan sihat semasa musim perayaan ini. Selamat mencuba! **W.K**



Sate Ayam

BAHAN-BAHAN (untuk 10 hidangan)

5 biji bawang merah
2 batang serai
2 inci halia
2 inci lengkuas
1 sudu makan serbuk kunyit
1 sudu makan serbuk jintan manis
1 susu makan serbuk jintan putih
2 sudu makan gula
1 sudu teh garam
400 gram daging ayam dipotong kecil
Lidi sate secukupnya

CARA PENYEDIAAN

- Gaulkan bahan kisar dengan serbuk kunyit, jintan manis, jintan putih, gula dan garam.
- Perapkan dengan daging ayam sekurang-kurangnya 2 jam.
- Cucuk pada lidi sate dan sediakan untuk dibakar.

BAHAN-BAHAN KUAH KACANG

1/2 kilo kacang tanah (goreng tanpa minyak)
1000 ml air
10 ulas bawang merah
4 ulas bawang putih
2 batang serai
1 1/2 inci halia
5 tangkai cili kering
1 keping gula melaka
2 sudu asam jawa, diambil airnya

Gula dan garam secukup rasa

CARA MEMASAK

- Kisarkan bawang merah, bawang putih, serai, halia dan cili kering.
- Panaskan air sehingga mendidih, masukkan bahan-bahan yang telah dikisar ke dalam periuk yang berisi air.
- Kacau perlahan-lahan sehingga mendidih.
- Masukkan kacang tanah yang telah dikisar dan kacau sehingga pekat.
- Akhir sekali, masukkan gula melaka, garam dan air asam jawa.


*Hidangan ini hanya menggunakan isi ayam tanpa lemak dan kuah kacang yang dimasak tanpa menggunakan minyak.

1 hidangan sate ayam (60 gram)

Tenaga : 80 kcal
Karbohidrat : 5 gram
Protein : 7.7 gram
Lemak : 3.3 gram

1 hidangan kuah kacang (175 gram)

Tenaga : 310 kcal
Karbohidrat : 5 gram
Protein : 13.2 gram
Lemak : 21.0 gram



Puding Mangga

BAHAN-BAHAN (untuk 10 hidangan)

10 gram serbuk agar-agar
2 1/2 cawan air
5 sudu besar gula
200 ml susu cair
500 gram isi mangga harum manis masak (300 gram dikisar dan 200 gram dipotong dadu)
120 ml air (untuk dikisar bersama mangga)

CARA PENYEDIAAN

- Satukan air, gula dan serbuk agar-agar di dalam periuk.
- Kacau hingga larut dan masak dengan api sederhana sehingga mendidih.

- Angkat periuk dari api. Tuang isi mangga yg dikisar halus tadi, dan kacau dengan hingga rata, kemudian masukkan susu cair, kacau hingga sebatas.
- Isikan mangga yang telah dipotong dadu ke dalam acuan dan tuangkan puding yang telah dimasak.
- Simpan dalam peti sejuk selama 1-2 jam atau hingga sedikit keras sebelum dihidangkan.

1 hidangan (60 gram)

Tenaga : 45.0 kcal
Karbohidrat : 7.1 gram
Protein : 1.2 gram
Lemak : 1.0 gram

Lontong

BAHAN-BAHAN (untuk 10 hidangan)

1000 ml susu cair
500 ml santan cair
8 biji bawang merah
5 ulas bawang putih
1 inci halia
2 batang serai
1 sudu makan serbuk kunyit
1 sudu makan udang kering
5 tangkai cili kering
Garam secukupnya

BAHAN-BAHAN SAYUR

150 gram lobak merah
150 gram sengkuang
150 gram kubis bunga
100 gram suhun
100 gram kubis bulat

sebahagian daripada santan dengan susu sejat. Ini untuk mengurangkan kandungan lemak tebu.

1 hidangan (290 gram)

Tenaga : 425 kcal
Karbohidrat : 39.7 gram
Protein : 14.1 gram
Lemak : 23.1 gram



Rendang Ayam

BAHAN-BAHAN (untuk 10 hidangan)

1 kg daging ayam
120 gram bawang merah dikisar
90 gram bawang putih dikisar
90 gram halia dikisar
80 gram serai dikisar
90 gram lengkuas dikisar
150 gram serbuk jintan manis
150 gram serbuk jintan putih
120 gram serbuk ketumbar
150 gram cili kering dikisar
60 gram serbuk kunyit
100 gram kerisik
10 gram daun kunyit dihiris halus
10 gram daun limau purut dihiris halus
1000 ml susu sejat
100 ml minyak masak
Garam secukup rasa

CARA PENYEDIAAN

- Panaskan minyak masak, kemudian tumiskan bahan-bahan

yang dikisar (bawang merah, bawang putih, halia, serai, lengkuas dan cili kering) sehingga naik bau.

- Masukkan serbuk jintan manis, serbuk jintan putih, ketumbar dan serbuk kunyit.
- Masukkan susu cair dan kacau.
- Masukkan daging ayam dan kacau perlahan-lahan. Apabila sebatas, masukkan kerisik.
- Akhir sekali, masukkan daun kunyit, daun limau purut dan garam secukup rasa.
- Biarkan sehingga daging ayam empuk. Hidangkan.

*Santan digantikan dengan susu sejat untuk mengurangkan kandungan lemak dalam rendang ayam.

1 hidangan setiap ketul (100 gram)

Tenaga : 195 kcal
Karbohidrat : 11.8 gram
Protein : 11.7 gram
Lemak : 10.9 gram

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Anak yatim asnaf dirai Kelab Anak Muda Seputeh

SYAHIDI BAKAR

SERAMAI 20 kanak-kanak berusia 4 sehingga 16 tahun diraikan dalam Majlis Berbuka Puasa dan Sumbangan Duit Raya berlangsung pada minggu terakhir Ramadan di Hotel Espira, Sri Petaling.

Presiden Kelab Anak Muda Seputeh, **Nur Hafies Wahid** berkata, semua kanak-kanak dipilih dalam kalangan anak yatim dan asnaf sekitar Seputeh, diberi peluang merasai sedikit keriangan berbuka puasa sambil menikmati aneka juadah hidangan.

Katanya, kesempatan kepada anak-anak mungkin tidak berpeluang merasainya sebelum ini, secara langsung menanam kesedaran bahawa terdapat banyak pihak prihatin terhadap diri anak-anak ini walaupun hidup mereka serba kekurangan.

"Seramai 20 anak-anak yatim serta asnaf dalam kawasan setempat telah disantuni kami, Kelab Anak Muda Seputeh (KAMUSE) yang diharapkan dapat memberikan mereka



BARISAN AJK Kelab Anak Muda Seputeh bergambar bersama 20 kanak-kanak yang diraikan pada Majlis Berbuka Puasa dan Sumbangan Duit Raya yang diadakan di sebuah Hotel di Petaling Jaya baru-baru ini.

kegembiraan.

"Selain rasai pengalaman berbuka di hotel semua anak-anak ini turut dirai dengan sumbangan duit raya sebagai persediaan menyambut lebaran kali ini," katanya di majlis yang turut dihadiri Pengurus Jabatan Belia &

Sukan Seputeh, Anazem Ibrahim.

Objektif utama program dianjur kata Nur Hafies adalah bagi meraikan anak-anak kurang bernasib selain menjadikan imarah Ramadan sebagai satu budaya yang diamalkan bersama.

"Pada kesempatan ini, kami



NUR Hafies (kanan) bersama wakil pengajar memberikan duit raya kepada anak-anak yang diraikan pada Majlis Berbuka Puasa dan Sumbangan Duit Raya anjuran Kelab Anak Muda Seputeh.

Kelab Anak Muda Seputeh turut ucap sekalung penghargaan serta ribuan terima kasih kepada para penyumbang yang sudi menaja majlis ini. Semoga usaha murni ini diberkati oleh Allah S.W.T," katanya.

Untuk memastikan program

dan aktiviti berupa kebajikan dapat terus dijalankan, Kelab Anak Muda Seputeh mengalaukan sumbangan dari pihak yang prihatin. Sumbangan boleh disalurkan kepada Kelab Anak Muda Seputeh melalui akaun CIMB Bank 860447436. **W.K**

MPPWP jadi pemudah cara salur bantuan rakyat

PERANAN Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) sebagai penghubung bagi kerajaan dengan rakyat ternyata memberi kesan signifikan khususnya menyelaras bantuan rakyat diperkenan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Kesalinghubungan yang wujud memudahkan lagi agihan bantuan disalur kepada golongan sasar malah mengimbangi proses penyerahannya bagi memastikan sampai kepada rakyat memerlukan dan mengelak unsur penyelewengan.

Faktor tersebut kata Pengerusi

MPPWP Sub Zon 5 Bandar Tun Razak, **Farouk Mohd Noor**, telah pun menjadikan setiap MPPWP bukan sahaja prihatin dalam menyentuh rakyat malah agresif di dalam menyulurkannya supaya setiap inisiatif kebajikan dilaksanakan mencapai objektif.

Atas dasar itu katanya MPPWP Sub Zon 5 Bandar Tun Razak komited meneruskan serahan bantuan Prihatin MYBeras hasil sumbangan KWP dengan usaha sama Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) kepada komuniti setempat yang memerlukan.

"Untuk sesi agihan ini, sebanyak 30 kampit beras 5kg telah pun diagihkan kepada enam Persatuan Penduduk di bawah MPPWP Sub Zon 5 sebelum diserahkan kepada penduduk kategori B40.

"Walaupun dalam suasana raya dan penularan COVID-19, agihan ini diteruskan dengan langkah SOP ketat diamalkan demi memastikan bantuan daripada KWP dan YWP sampai kepada rakyat. Terima kasih kepada kedua-dua pihak yang amat cakna terhadap kebajikan rakyat.

"Inisiatif sebegini amat baik, ekoran pelaksanaan PKP 3.0 dan

serahan sumbangan beras sejurus beberapa hari selepas Aidilfitri sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban keluarga yang memerlukan," ujarnya.

Sementara itu, MPPWP Sub Zon 5 juga katanya, bersedia meneruskan sumbangan beras ataupun seumpamanya setiap bulan selagi ia mendapat bekalan dari agensi pelaksana memandangkan perkara tersebut memanfaatkan rakyat.

Pada masa sama, AJK MPPWP juga berperanan menyampaikan secara terus sumbangan beras kepada warga memerlukan melalui

info diterima dari komuniti setempat untuk menambah baik inisiatif sedia ada.

"Jadi sebagai jentera pelaksana, kami harap agar sumbangan ini sedikit sebanyak akan membantu penerima memerlukan, lebih-lebih lagi keadaan ekonomi yang amat mencabar ketika ini.

"Pada masa sama, ribuan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Wilayah yang terus-menerus melestari bantuan kepada komuniti khususnya melalui program MYBeras sebegini," katanya. **W.K**



FAROUK menyerahkan sumbangan MYBeras kepada salah satu Persatuan Penduduk di bawah MPPWP Sub Zon 5 Bandar Tun Razak.



FAROUK bersama AJK MPPWP Sub Zon 5 yang merupakan tulang belakang penting dalam melestarikan inisiatif bantuan MYBeras hasil inisiatif KWP dengan usaha sama YWP.

Selebriti sokong perjuangan Palestin



DEEL ANJER

GOLONGAN artis dan selebriti tidak terkecuali mengecam keras tindakan rejim Zionis Israel melakukan pengusiran dan kezaliman terhadap rakyat Palestin.

Mereka menyuarakan ketidakpuasan hati atas apa yang berlaku dan memberi sokongan penuh kepada rakyat Palestin yang ditindas.

Mungkin mereka tidak berpeluang menyokong dari segi ketenteraan, tetapi segala luahan golongan berpengaruh ini banyak membantkitkan semangat rakyat untuk terus mengecam kezaliman yang dilakukan Zionis Laknatullah itu.

Antaranya dengan menzahirkan kecaman dan kutukan menerusi media sosial masing-masing. **W^K**

Lisa Surihani

SEMOGA Allah beri kita ilham dan kebijaksanaan untuk terus mendapatkan fakta yang betul tentang bagaimana kita boleh memberi impak kepada kepentingan Israel, untuk memberi tekanan diplomatik yang betul bagi membolehkan Palestin beroleh keamanan."



Diana Amir

KITA perlu ikut jejak Nabi Muhammad SAW, ketika kita mengecam mereka, gunakan perkataan yang bijak dan bukan memaki hamun, tunjukkan kepada mereka kita adalah golongan yang berintelek.

"Kita ada Allah. Allah sudah janji yang Palestin akan bebas satu hari nanti. Ini masa ujian, Allah nak uji iman kita, siapa yang bersama Dia dan siapa pula yang berpura-pura dan munafik."



Ernie Zakri dan Syamel

KAMI ucapan terima kasih kepada semua rakan-rakan artis dan selebriti, kita bersama-sama dalam hal ini. Kita usaha yang terbaik dan mungkin ia nampak kecil tetapi inilah yang kita mampu.

"Di Malaysia, tugas kita adalah sebar fakta yang mungkin masih ramai belum tahu serta tidak terdedah dengan info berkaitan Palestin dan Israel. Jadi kita perlu laksanakan tugas ini dengan baik."



Neelofa

"ORANG Islam adalah saudara seagama kita. Apa yang terjadi di Palestin, kita kena rasakannya seolah-olah ia terjadi kepada kita sendiri.

"Kalau kita lihat gambar mahupun video, dan kita rasa geram, marah dan sedih, itu tandanya ada iman dalam hati kita. Kita tidak dituntut serta perang di sana tetapi boleh gunakan media sosial untuk lancarkan perang saraf dan kita kena guna medium ini dengan bijak."



Imam Muda Asyraf

BETAPA hebatnya orang-orang Gaza. Bagaikan lilin membakar diri semata-mata muahu menerangi bumi Al-Aqsa itu sendiri. Oleh itu, rakyat Malaysia kena tahu sejarah perjalanan serta sejarah Palestin.

Banyak perjanjian yang telah dilanggar (Yahudi) dan saban hari semakin ramai umat Islam dibunuh.

"Mungkin kita tidak mampu dari sudut ketenteraan, paling kurang seluruh masyarakat di negara-negara di seluruh dunia mendesak kerajaan mereka untuk menentang penjajahan Israel."



"**JANJI** Allah SWT kepada kaum Yahudi, Allah telah memastikan akan melenyapkannya bangsa mereka dari bumi ini. Maha suci Allah berfirman bahawa kaum muslim akan kembali masuki Masjid Al-Aqsa sebagai mana dahulu di masa pemerintahan Umar bin Khatab yang menakluk bumi Palestin.

"Firman Allah dalam kitab Taurat, Bani Israel akan memasuki bumi yang diberkati, iaitu Palestin. Bahkan di sana mereka akan mendirikan pemerintahan tetapi kemudian membuat kerosakan besar sehingga menyebabkan Allah menghukum mereka dengan cara mengirim hamba-hambanya yang gagah. Setelah kerajaan mereka binasa, mereka diusir dan dicerai-beraikan."

PU Riz

SAYA harap rakyat Malaysia dapat sama-sama menadah tangan, berdoa, buat solat hajat dan baca Qunut Nazilah. Inilah perantara kita dengan Allah.

"Antara waktu yang mujarab untuk berdoa adalah malam-malam awal Syawal, jadi kita gunakan masa ini untuk berdoa sebanyak mungkin untuk mereka."



Rita Rudaini

MENITIK air mata setiap kali tengok video pasal mereka. Betapa berani dan kuatnya budak-budak kecil di sana. Mereka tabah.

"Semoga anak-anak saya sekutu dan setabah hati mereka. Ya Allah tolonglah mereka."



Labuan bertukar Zon Merah COVID-19



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

WI L A Y A H Persekutuan Labuan kini menjadi Zon Merah susulan Kluster Layang-Layangan COVID-19 telah merebak ke generasi kelima kes.

Pengarah Kesihatan Labuan Dr **Ismuni Bohari** berkata, Labuan diisyiharkan sebagai sebuah Zon Merah, selepas mencatatkan lebih 40 kes dalam tempoh 14 hari lepas.

Kami telah melakukan yang terbaik untuk mengekang penularannya tetapi malangnya ada segelintir penduduk tidak mempedulikan prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 dan mengadakan Terbang Labuan awal bulan ini.

Jelas beliau, Kluster Layang-Layangan yang muncul pada 5 Mei lalu berpunca daripada tujuh warga India dan lima rakyat Malaysia yang tiba di pulau ini dari Semenanjung menerusi Lapangan **ISMUNI**

perjumpaan keluarga di pantai dan sambutan hari jadi di medan selera," katanya.

Beliau berkata, tindakan beberapa pesakit positif dan kontak rapat menyembunyikan maklumat mengakibatkan peningkatan kes.

"Kami perlu melipatgandakan usaha menjelak kontak rapat atau pesakit positif sehingga generasi kelima, memerlukan kami bekerjasama dengan klinik swasta untuk mengekang penularannya.

"Memandangkan Kluster Layang-Layangan telah merebak ke sekolah-sekolah, kuil dan komuniti tempatan, adalah penting untuk masyarakat terus mematuhi SOP, menjauhi kawasan yang ramai orang dan sesak sepanjang pandemik virus ini," katanya. **WK**



Tambahnya, kluster itu telah menjangkiti sebilangan penduduk tempatan, termasuk murid sekolah rendah dan lain-lain di dalam sebuah kuil Hindu.



LABUAN kini bertukar menjadi Zon Merah COVID-19.



SUASANA malam di salah sebuah rumah peserta yang menyertai pertandingan bercucul sempena Hari Raya Aidilfitri.

Lapan kampung sertai pertandingan ‘cucul’ meriahkan Hari Raya Aidilfitri

SEBANYAK lapan buah kampung disini, menyertai pertandingan bercucul (pelita) bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini meskipun dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan, **Dzulfaizal Ab Manan** berkata, pertandingan itu dijalankan bertujuan bagi memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri meskipun berada dalam situasi



pandemik COVID-19.

Katanya, dengan adanya pertandingan ini ia dapat meningkatkan budaya-budaya tradisi pemasangan cucul tidak dilupakan oleh generasi akan datang.

"Sebanyak 11 buah rumah yang membabitkan lapan buah kampung telah menyertai pertandingan ini dan kita ucapkan terima kasih kepada peserta telah menjayakan pertandingan itu," katanya ketika ditemui pemerita selepas meninjau lapan

buah kampung yang terlibat, baru-baru ini.

Tambahnya Dzulfaizal, terdapat tiga kategori penilaian iaitu kerjasama dalam pembuatan, kreativiti dan reka bentuk serta kekemasan setiap pemasangan cucul.

Pihaknya akan mengumumkan keputusan pertandingan itu pada selepas 6 Jun kelak.

"Memandangkan sekarang Labuan dalam PKPB, jika ada kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) kita akan mengadakan majlis khas, namun jika SOP masih kekal kita akan mengadakan majlis penyampaian selepas 7 Jun atau seawalnya," katanya. **WK**

16 PATI ditahan bersama bot nelayan - APMM LABUAN

SERAMAI 16 pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Zon Maritim Labuan kerana bekerja di atas bot perikanan tempatan secara haram, baru-baru ini.

Pengarah Zon Maritim Labuan, **Kapten Maritim Nudin Jusoh** berkata, pihaknya telah mengesan sebuah bot nelayan tempatan yang mencurigakan sedang menangkap ikan di kedudukan sekitar 24 batu nautika barat laut.

Katanya, hasil pemeriksaan daripada Ops Pagar Laut, pihaknya mendapati bot tersebut dikendalikan oleh 18 kru termasuk tekong berusia 24 hingga 54 tahun.

"Seramai 16 kru telah ga-

gal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah dan disyaki pendatang asing tanpa izin (PATI).

"Bot tersebut ditunda dan diiring masuk ke Jeti Zon Maritim Labuan manakala semua kru ditahan bagi siasatan selanjutnya," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Nudin berkata pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Perikanan bagi mengesan dan mengambil tindakan terhadap pemilik bot kerana mengajikan pekerja asing tanpa permit yang sah.

Jelas beliau lagi, kes tersebut disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63.L. **WK**



BOT nelayan tempatan yang ditahan oleh APMM ketika Ops Pagar Laut, baru-baru ini.

BAHAGIAN KOMUNIKASI
KORPORAT, DE METROLOGY (DMSB)

HARI Metrologi Sedunia adalah sambutan tahunan khusus bersempena Perjanjian Konvensyen Metrologi pada 20 Mei 1875 yang terdiri daripada 17 buah negara. Konvensyen ini menetapkan kerangka kerja dengan kolaborasi global dalam ilmu pengukuran dan dalam aplikasi perindustrian, komersial dan sosial. Tujuan asal Konvensyen Meter ialah keseragaman pengukuran di seluruh dunia dan tetap diteruskan normalisasi sejak tahun 1875.

Merujuk kepada BIPM, Tema pada tahun 2021 ini dipilih untuk memberi kesedaran tentang pentingnya peranan pengukuran dalam kesihatan, dan yang berkaitan dalam kesejahteraan setiap kita.

Metrologi merupakan ilmu mengukur yang merangkumi segala segi pengukuran yang teori maupun amali. Metrologi ditakrifkan oleh Biro Timbangan dan Ukuran Antarabangsa (BIPM) sebagai "ilmu mengukur yang merangkumi penentuan secara uji-kaji dan teori sekali pada sebarang tahap ketaktentuan di dalam mana-mana bidang sains dan teknologi.

Tema pada tahun ini, "Pengukuran Untuk Kesihatan", memberi perhatian kepada kepentingan bidang metrologi dalam sektor kesihatan. Penghasilan alatan kesihatan berkaitan timbangan dan alat perlindungan diberi perhatian khusus untuk bersama menangani cabaran kesihatan yang dihadapi pada masa kini.

Kepantasan virus COVID-19 yang merebak ke seluruh masyarakat dunia, khususnya negara kita Malaysia memaksa pihak berkuasa bertindak dengan segera dan penguatkuasaan secara tegas. Sejak di awal kemunculan pandemik, keperluan pengukuran baru berhasil, bermula dari penghasilan alat ujian berskala besar untuk mengenalpasti keberadaan virus COVID19 dan keberkesanan alat perlindungan kendiri (PPÉ). Justeru, penghasilan dan pembangunan vaksin amat

Mendepani cabaran dunia pandemik COVID 19

Sempena Sambutan Hari Metrologi Sedunia bagi tahun 2021



PENENTUSAHAN Pam Minyak.



PEMERIKSAAN bersama KPDNHEP untuk aktiviti penentusan di Pam Stesen Minyak.

bergantung kepada ketepatan dan ukuran molekul RNA dan protein kompleks dan ia adalah berkaitan dengan "Scientific Metrology".

Metrologi adalah bidang yang luas dan terbahagi melalui 3 kategori iaitu "Scientific Metrology", "Industrial Metrology" dan "Legal Metrology".

Bagi "Industrial Metrology", ia adalah atas berkenaan ukuran yang berkaitan penguatkuasaan kualiti atau "quality control" serta pengurusan yang berkaitan alatan industri.

"Scientific Metrology" dikenali sebagai "Fundamental Metrology", merangkumi pembentukan unit ukuran, sistem unit dan sistem kuantiti.

"Legal Metrology" adalah semua pengukuran yang berkaitan undang-undang dan terbahagi kepada tiga kategori,



SUHAILA

iaitu Dasar dan Penguatkuasaan, Standard Piawaian serta Penentusan. Di Malaysia, Dasar dan Penguatkuasaan adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), manakala Standard Piawaian pula di bawah National Metrology Institute of Malaysia (NMIM) dan untuk Penentusan adalah di bawah organisasi De Metrology.

Menurut **Suhaila Abdul Kadir**, Pengarah De Metrology, "DMSB komited dalam melaksanakan perkhidmatan yang berkesan untuk pembaik di seluruh Malaysia. Dan sempena Hari Metrologi Sedunia ini, DMSB mengambil langkah yang proaktif untuk terus memberi kesedaran komuniti serta perkhidmatan mengenai

Metrologi amnya. Penggunaan Alat Timbang dan Sukat adalah sinonim dengan kehidupan sehari-hari kita sebagai contoh mesin timbangan untuk sukan air, minyak, atau berkaitan masakan dan sebagai pengguna yang berhemat, pengguna perlu tahu hak yang utama dalam segala urusan perdagangan.

"Sebagai contoh, penggunaan alat timbang Neraca Spring di pasar basah, premis perniagaan atau pasaraya adalah menjadi kebiasaan dalam aktiviti perdagangan maupun perniagaan. Sebagai pengguna yang bijak, pengguna boleh menyemak sama ada alat tersebut telah diverifikasi atau ditentusahkan atau pun tidak dengan melihat pelekat berwarna merah yang ditampal beserta tarikh tempoh sah laku di setiap alat timbang yang digunakan"- ujar beliau.

Jika pengguna mendapati peniaga atau pemilik premis yang menggunakan alat yang



PELEKAT Keselamatan Verifikasi di Stesen Minyak.

telah luput tarikh tentusah maupun yang tidak membuat penentusan, sebagai pengguna, anda mempunyai hak untuk membuat aduan kepada Talian Aduan KPDNHEP di talian (1-800-886-800) untuk tindakan lanjut.

Di bawah konteks Akta Timbang dan Sukat 1972, iaitu dibawah penguatkuasaan seksyen 14 (1) tertakluk kepada subseksyen (5), menyatakan bahawa setiap alat timbang dan sukat yang digunakan bagi tujuan perdagangan WAJIB ditentusahkan dan mempunyai tarikh luput selama 12 bulan.

Objektif utama KPDNHEP menguatkuasakan Akta Timbang dan Sukat 1972 ini adalah untuk memastikan timbangan dan sukat dan alat timbang dan sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan mematuhi dan mendapat kelulusan reka bentuk dan spesifikasi yang ditetapkan oleh Penyimpan Timbang dan Sukat serta menggunakan Unit Sistem Antarabangsa (SI).

Untuk maklumat lanjut mengenai peranan dan perkhidmatan DMSB, boleh berhubung terus ke Hotline DMSB di talian +6011 – 7077 3627, email ke corpcomm@demetrology.com.my atau layari : www.demetrology.com.my.



ALAT Timbang Neraca Spring.



STAMPING Penentusan Alat Timbang dan Sukat.

Empat filem berkaitan perjuangan Palestin


#1 The Present

Pengarah: Farah Nabulsi

Pelakon: Saleh Bakri, Mariam Kanj, Mariam Basha

THE PRESENT adalah filem pendek tahun 2020 yang diarahkan oleh **Farah Nabulsi** dan ditulis bersama oleh Nabulsi dan Hind Shoufani, mengenai seorang ayah dan anak perempuannya di kawasan Palestin di Tepi Barat yang diduduki Israel yang cuba membeli hadiah ulang tahun perkahwinan.

Filem ini dibuka dengan Yusef menunggu untuk melintasi *Checkpoint 300* yang sesak, berhampiran Bethlehem, pada awal pagi.



#2 Born In Gaza

Pengarah: Hernan Zin

Pelakon: Udai, Mohamed, Rajaf, Malak, Hamada, Sondos, Bisan, Motasem

BORN IN GAZA memberikan pandangan yang mendalam dan mengetepikan perdebatan politik tentang bagaimana keganasan mengubah kehidupan sepuluh anak. Visi perang dan akibatnya.

Dokumentari Sepanyol ini dirakam pada tahun 2014, tiga bulan setelah berakhirnya serangan Israel, yang memberi kita peluang untuk melihat apa yang telah terjadi pada anak-anak ini sambil menyoroti perjuangan mereka untuk mengatasi mimpi negeri yang dialami dan mendapatkan kembali kehidupan normal mereka.

Melalui rakaman pemerhatian dan wawancara, Hernan Zin memberi fokus kepada kisah-kisah individu yang melampaui liputan berita mengenai peristiwa tersebut serta memberi peluang kepada anak-anak untuk didengar.

Dengan melakukannya, dia juga menyediakan ruang untuk anak-anak tersebut berdialog dan penyembuhan. "Keadannya sungguh rumit. Kami berperang setiap dua tahun sekali," kata Mohamed yang berusia 13 tahun. "Saya sering memikirkan keadaan kami dan saya tidak pernah melihat kesudahannya."



DIANA SYUHADA MOHD AMIR

PERANGAN sebenarnya merupakan pengasingan, atau dengan kata lain suatu tindakan penyihiran kemanusiaan dalam proses meluaskan kuasa politik penjajahan. Perang adalah kuku tajam aparteid yang ganas mencakar dan keras mencengkam. Ia adalah siri perampasan hak dan perogolan

kemanusiaan. Perang tidak pernah ada rasa simpati dan belas. Perang hanya tahu membunuh dan menindas.

Baru-baru ini negara dikejutkan dengan berita mengenai rejim Zionis menyerang umat Islam yang sedang beribadat di Masjid Al-Aqsa. Ianya mencabar kemanusiaan. Peperangan kali ini membuka mata banyak pihak mengenai kekejaman pihak Zionis kerana ia bukan lagi mengenai agama tetapi ianya berkaitan sifat perikemanusiaan yang tiada di dalam diri Zionis. Mereka begitu berani membunuh, menembak kanak-kanak, wanita serta orang awam yang

tidak mempunyai apa-apa senjata dan apabila diserang semula mereka mula menyifatkan Palestin sebagai 'terrorist'.

Namun sifat juang Palestin harus dipuji dan dicemburui meskipun berbekalkan batu sebagai senjata mereka tetap teguh melawan dalam melindungi kesucian masjid Al-Aqsa dan tidak berundur walau setapak.

Filem di bawah menggambarkan pergelutan antara dua pihak Zionis dan juga Palestin serta kesan perperangan yang terpaksa dihadapi oleh kanak-kanak Palestin terutamanya. **W.K**


Kemudian, di rumah Yusef, dia dan isterinya Noor membincangkan ulang tahun perkahwinan mereka. Yusef mengatakan bahawa dia akan melakukan perjalanan membeli-belah ke Beitung untuk membeli hadiah, bersama anak perempuan mereka Yasmine.

Perjalanan mereka ke dua arah terhalang oleh pelbagai pos pemeriksaan. Dalam adegan penting kemudian, sekumpulan tentera Israel yang muda berdebat antara satu sama lain mengenai "apa yang dilihat oleh seorang askar yang lebih senior sebagai tingkah laku juniornya yang tidak kompromi, mungkin tidak berperikemanusiaan."

The Present ditayangkan pada 18 March 2021 di Netflix dan dicalonkan untuk Anugerah Akademi untuk Filem Pendek Aksi Langsung Terbaik. Manakala, pada tahun 2021, ia memenangi Anugerah BAFTA untuk Filem Pendek Terbaik.



#3 5 Broken Cameras



Pengarah: Emad Burnat, Guy Davidi
Pelakon: Emad Burnat, Soraya Burnat, Mohammed Burnat

KETIKA anak keempatnya, Gibreel, dilahirkan pada tahun 2005, Emad Burnat, seorang penduduk Palestin, mendapat kamera pertamanya. Pada waktu yang sama di kampungnya di Bil'in, orang Israel mula menghancurkan kebun zaitun untuk membina penghalang bagi memisahkan Bil'in dari pemukiman Yahudi Modi'in Illit. Laluhan penghadang memotong 60 peratus tanah ladang Bil'in dan penduduk kampung menentang penyitaan tanah mereka oleh peneroka.

Pada tahun berikutnya, Burnat memfilemkan perjuangan ini, yang dipimpin oleh dua rakan baiknya termasuk saudaranya Iyad. Pada masa yang sama, Burnat menggunakan kamera untuk

merakam proses pembesaran anaknya.

Tidak lama kemudian, peristiwa ini mula mempengaruhi keluarga dan kehidupannya sendiri. Burnat mula memfilemkan tentera dan polis yang memukul serta menangkap penduduk kampung, aktivis yang datang untuk menyokong mereka.

Peneroka memusnahkan pokok zaitun Palestin dan menyerang Burnat ketika dia cuba memfilemkannya. Tentera menyerang kampungnya di tengah malam untuk menangkap kanak-kanak.

Dia, rakan-rakannya, dan saudaranya ditangkap, ditembak dan juga ada yang terbunuh. Setiap kamera yang digunakan untuk mendokumentasikan peristiwa ini ditembak atau dihancurkan.

Akhirnya, pada tahun 2009, Burnat mendekati Guy Davidi, seorang pembuat filem Israel, dan mereka berdua membuat filem dari lima kamera yang rosak dari kisah-kisah mereka.

mengenalinya dengan baik, dan dia diberi masa hingga akhir hari itu untuk mencarinya.



#4 Paradise Now

Pengarah: Hany Abu-Assad
Pelakon: Kais Nashef, Ali Suliman, Lubna Azabal, Hiam Abbass

PARADISE NOW mengisahkan dua kanak-kanak Palestin yang berkawan baik, Said dan Khaled yang tinggal di Nablus namun telah direkrut untuk serangan bunuh diri di Tel Aviv. Ia memfokuskan pada hari-hari terakhir mereka bersama.

Pengendali mereka dari kumpulan penentang yang tidak dikenali memberitahu bahawa serangan itu akan berlaku pada keesokan harinya. Pasangan ini merakam video yang memuliakan Tuhan dan tujuan mereka untuk mengucapkan selamat tinggal kepada keluarga serta orang yang mereka sayangi, sambil berusaha bersikap normal untuk mengelakkan timbulnya kecurigaan.

Pada keesokan harinya, mereka mencukur rambut dan janggut serta

pakaian sesuai untuk kelihatan seperti orang Israel. Mereka bersiap seperti ingin pergi ke majlis perkahwinan.

Tali pinggang letupan dilekatkan pada Said dan Khaled, pengendali adalah satu-satunya orang yang mempunyai kunci untuk menanggalkan tali pinggang tanpa meletupkannya. Orang-orang itu diarahkan untuk meledakkan bom di tempat yang sama, pusat pemeriksaan tentera di Israel, dengan selang waktu 15 minit sehingga bom kedua akan membunuh polis yang tiba setelah letupan pertama.

Mereka melintasi sempadan Israel, tetapi harus melarikan diri dari pengawal. Khaled kembali ke pengendali mereka, yang telah melarikan diri pada saat Said tiba.

Pengendali menanggalkan tali pinggang letupan Khaled dan mengeluarkan carian untuk Said. Khaled percaya bahawa dia adalah orang terbaik untuk mencari Said kerana dia

Marina perlu mula latihan daripada bawah semula

COVID-19 beri kesan terhadap atlet

AINI MAWAWI

PANDEMIK COVID-19 yang sedang melanda dunia saat ini turut memberi kesan terhadap psikologi serta jadual latihan yang dijalani atlet.

Menurut atlet kayak Wilayah Persekutuan, Marina Muzaffa, 20, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan menyebabkan latihan terpaksa dibatalkan.

"Keadaan yang tidak menentu sekarang turut menjelaskan sesi latihan yang mana aktiviti kayak tidak dapat dilakukan seperti biasa sedangkan sukan ini memerlukan latihan yang kerap.

"Bukan itu sahaja, dari segi latihan kecergasan di gimnasium pula, setiap kali PKP dilaksanakan kami terpaksa memulakan latihan daripada awal semula.

"Sebagai contoh, sebelum PKP saya sudah berjaya mengangkat beban sebanyak 40 kilogram dan kini terpaksa pula berhenti. Nampaknya selepas ini saya perlu memulakan semuanya daripada awal semula," ujar Marina.

Tidak menyalahkan keadaan



semasa, dia turut mengakui keputusan kerajaan untuk memutuskan rangkaian COVID-19 dengan melaksanakan PKP ini lebih penting daripada segala-galanya.

"Saya faham dan yakin semua atlet juga sedang mengalami masalah yang sama. Diharapkan agar keadaan ini kembali pulih secepat mungkin agar kehidupan dapat berjalan seperti biasa,"ujarnya lagi.

Dalam masa sama, menurut anak kelahiran Kuala Lumpur ini, atlet juga turut berdepan dengan kesan psikologi apabila banyak kejohanan besar yang terpaksa dibatalkan.

"Ini cabaran besar bagi kami untuk menerima keadaan seperti ini. Setelah penat berlatih akhirnya kejohanan yang dinanti terpaksa dibatalkan. Hampa dan kecawa rasanya apabila kejohanan yang menjadi kayu pengukur prestasi tidak dapat disertai," ujarnya.

Katanya lagi, biarpun pihak pengurusan menyediakan modul yang dipantau secara dalam talian namun latihan secara fizikal adalah jauh lebih berkesan.

"Walau bagaimanapun sebagai atlet, saya menyambut baik usaha



keras yang dilakukan untuk memastikan yang terbaik untuk para atlet," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Menyentuh tentang sukan kayak, pelajar jurusan Teknologi

Pengimejan Perubatan Universiti Teknologi Mara ini berkata, ketiadaan jurulatih dalam acara slalom menyukarkan para atlet.

"Di Malaysia kita tiada sun-

Kejayaan Marina

2019 - Kejohanan Piala Kanu Polo Asia, China (Kategori Junior) - Nombor 4 (berkumpulan)

2019 - Terbuka Kanu Thailand (Bawah 18 tahun) - Nombor 3

2018 - Kejohanan Asia 2018, Jakarta Palembang - Nombor 12 (Slalom)

2018 - Kejohanan Kanu Polo Kebangsaan, Johor - Nombor 1 (berkumpulan)

Instagram: marina_muz

gai yang sesuai untuk acara slalom ditambah pula dengan tiadanya jurulatih khas bagi acara tersebut. Jadi, kesempatan mengikuti kejohanan di luar negara merupakan bonus untuk kami mengutip pengalaman," ujarnya.

Pun begitu, dia bersyukur dengan kehadiran jurulatih, Julianda Amin yang banyak berkongsi pengalaman ketika menyertai kejohanan kayak (slalom) di luar negara. **WK**



J. Partiban dan Kenny Pallraj antara muka baru yang ditandatangani oleh Pasukan KL City pada jendela perpindahan kedua dibuka awal Mei lalu.

KL City FC sambar tiga muka baru

SETELAH dua bekas pemain pasukan Perak, J Partiban dan Kenny Pallraj menyertai Kuala Lumpur City FC (KL City), kini skuad City Boys bakal diperkuatkan lagi dengan kehadiran bekas penjaring Liga Eropah, Kyrian Chinazorm Nwabueze.

Merupakan antara penjaring terbanyak setiap musim di Liga Eropah, kehadirannya bersama dua pemain tempatan, Partiban dan Kenny dilihat mampu membawa perubahan dari segi serangan sekali gus meningkatkan imej pasukan.



KYRIAN NWABUEZE

berdasarkan kelincahan mereka ketika beraksi di padang.

"Mungkin selepas ini akan ada perubahan sedikit daripada segi serangan memandangkan ketiga-tiga pemain ini laju. Itu sesuatu yang bagus," ujar Stanley kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau, pasukan kendalian Bojan Hodak itu juga dilihat stabil dari segi pertahanan.

"Daripada segi pengamatan jurulatih, Presiden KL City FC dan saya, kita mewarapkan ini tiada masalah dari segi pertahanan cuma kita akan memperkuatkan lagi serangan pasukan."

"Buat masa ini, Kyrian sedang dalam tempoh kuarantin

dan apabila selesai dia akan terus bersama kita. Sementara Partiban dan Kenny pula sudah bersama kita," ujar beliau.

Dalam masa sama, Stanley turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Presiden KL City kerana menjadi tungggak utama dalam perancangan memperkuatkan pasukan.

"Kita masih ada lagi baki perlawanan Liga Super dan Piala Malaysia jadi dengan perancangan rapi daripada Presiden, kita punya kekuatan untuk baki musim ini," ujar beliau.

Terdahulu pada awal Mei, dua bintang perak, Partiban dan Kenny sah menyertai KL City sekali gus menjadikan mereka antara muka baharu yang ditandatangani pada jendela perpindahan kedua musim ini. **WK**

Pesawat khas Malaysia Airlines terbangkan skuad Harimau Malaya ke UAE

PASUKAN bola sepak kebangsaan berlepas ke Dubai, Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Khamis menerusi penerbangan sewa khas Malaysia Airlines dalam misi menghadapi baki tiga perlawanan pusingan kedua Kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023.

Malaysia Airlines merupakan rakan penerbangan rasmi skuad Harimau Malaya menerusi kerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

Seramai 45 pemain dan pegawai pasukan termasuk Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 9 pagi menaiki pesawat MH8436 dan dijadual tiba di Dubai 12.20 tengah hari waktu tempatan.

"Komitmen serta sokongan Malaysia Airlines terhadap skuad kebangsaan sememangnya tidak dapat dipersoalkan lebih-lebih lagi kerjasama di antara kedua-dua pihak ini sudah terjalin sejak 2018," kata Hamidin dalam kenyataan FAM.

Sementara itu, Malaysia Airlines berbangga menjadi sebahagian

daripada sejarah dalam menyokong pasukan negara membawa nama Malaysia ke pentas dunia, selain memaklumkan ia juga memberi peluang kepada syarikat penerbangan nasional itu terbang ke luar daripada rangkaian biasa.

"Malaysia Airlines komited menawarkan standard keselamatan dan kebersihan tertinggi dalam setiap langkah di sepanjang perjalanan untuk pastikan skuad Harimau Malaya terbang dengan yakin dan selesa untuk tampil di perlawanan, terutama semasa musim pandemik COVID-19," kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malaysia Airlines Bhd Izham Ismail.

Malaysia Airlines akan melakukan empat penerbangan sewa khas dari Kuala Lumpur ke Dubai, Dubai ke Manama, Bahrain, Manama ke

Dubai dan Dubai ke Kuala Lumpur bagi menerbangkan pasukan negara menghadapi dua perlawanan persahabatan Antarabangsa seterusnya mulakan kempen kelayakan.

Lebih mengujakan, pasukan negara dijadual pulang ke tanah air dengan pesawat A330-300 berlatarbelakangkan liveri Harimau Malaya. - **BERNAMA**



KL City FC sambar
tiga muka baru

► 15

COVID-19: Kuarantin wajib 14 hari Labuan tunggu kelulusan Persekutuan

KHAIRUL IDIN

LABUAN mungkin akan mengikuti langkah kerajaan Sabah yang akan menguatkuaskan kuarantin wajib 14 hari terhadap individu yang memasuki pulau bebas cukai itu sebagai usaha untuk mengekang penularan kes COVID-19, di negara ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Alam Labuan, Rithuan Ismail berkata, pihaknya kini sedang mendapat kelulusan daripada kerajaan Persekutuan mengenai perkara itu.

"Kita perlu menunggu dan akan mengumumkan perkara ini dalam tempoh beberapa hari lagi," katanya pada sidang media pada Rabu.

Bernama melaporkan Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Datuk Masidi Manjun sebelum ini mengumumkan bahawa penguatkuasaan kuarantin wajib 14 hari ke atas individu yang masuk ke Sabah berkuatkuasa, 20 Mei.

Menurut Rithuan, selain kuarantin wajib, jawatankuasa itu juga mencadangkan agar ujian reaksi rantai polimerase

(PCR) dijalankan terhadap setiap pelancong, sebelum memasuki pulau bebas cukai itu.

Dalam perkenan lain, Rithuan menjelaskan bahawa dua pasangan suami isteri dari Labuan yang didakwa telah menceetuskan kluster COVID-19 baharu di Tawau, Sabah telah menjalani ujian

RTK-Antigen dan diuji negatif sebelum mereka melakukan perjalanan rentas negeri berkenaan.

Beliau juga akan memastikan setiap individu di pulau itu yang ingin melakukan perjalanan rentas negeri mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Ini termasuk, perlu mendapatkan kebenaran polis dan

mengemukakan keputusan ujian COVID-19 yang negatif sebelum dibenarkan melepas pemeriksaan polis di Lapangan Terbang Labuan dan terminal feri.

Mengenai isu ingkar prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 di Labuan, Rithuan berkata nilai kompaun sebanyak RM963,500 dikenakan bagi 677 pelbagai kesalahan SOP, sejak Mac tahun lepas.



Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 386 kompaun bernali RM373,875 telah dibayar.

"Terdapat 277 kompaun yang tidak dapat diselesaikan kerana prosiding dan rayuan mahkamah sementara 14 baki diklasifikasi sebagai tiada tindakan lanjut (NFC)," katanya.

Daripada keseluruhan kompaun itu, 523 dikeluarkan oleh polis diikuti 148 oleh pegawai kesihatan dan enam oleh pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Labuan.

"Pelaku bukan sahaja individu malah peniaga," katanya sambil menambah kompaun bernali antara RM1,500 hingga RM25,000 dengan kesalahan termasuk kegalan mengimbas kod MySejahtera, cubaan melakukan perjalanan rentas negeri tanpa kebenaran polis dan gagal mematuhi arahan kuarantin. WK

Lencongan trafik di Lebuhraya Sultan Iskandar sehingga 22 Julai

PENUTUPAN jalan dan lencongan trafik akan dilaksanakan di laluan susur dari Lebuhraya Sultan Iskandar (Mahameru) menghala ke Jalan Sultan Azlan Shah mulai Sabtu ini hingga 22 Julai.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan pada Rabu memaklumkan penutupan tersebut bagi melaksanakan kerja-kerja naik taraf di persimpangan bertingkat di lokasi tersebut.

Menurut kenyataan itu, kenderaan dari Lebuhraya Sultan Iskandar menghala ke Jalan Sultan Azlan Shah akan dilencongkan ke Jalan Tun Razak seterusnya membuat pusingan U sebelum Bulatan Pahang.

Sebagai alternatif tambahan, kenderaan juga akan dilencongkan ke Jalan Tun Ismail, seterusnya ke Jalan Putra dan Jalan Raja Laut.

Pengguna jalan raya dinasihatkan supaya mematuhi isyarat papan tanda sementara sebagai panduan dan langkah keselamatan bagi mengelakkan kekeliruan, menurut kenyataan itu. WK

Baby Shima bangga usaha kerajaan bantu Palestin

DEEL ANJER

ARTIS Malaysia paling popular di aplikasi TikTok, Baby Shima menzahirkan sokongan penuh terhadap usaha kerajaan Malaysia mengecam tindakan zalim tentera Zionis Israel ke atas umat Islam di Palestin.

Shima yang turut terkesan dengan apa yang dialami penduduk Palestin melihat seruan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengecam kezaliman Israel adalah seiring dengan pendirian ramai pemimpin negara-negara lain.

Dalam sebuah kenyataan baru-baru ini, Muhyiddin menganggap serangan Israel ke atas Palestin merupakan tindakan yang mencabuli undang-undang antarabangsa, undang-undang hak asasi manusia, undang-undang kemanusiaan antarabangsa,

Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta merupakan jenayah perang yang menyalahi Konvensyen Geneva Keempat 1949.

"Seperti yang disampaikan Perdana Menteri kita baru-baru ini, saya percaya, rakyat Malaysia yang cintakan keamanan sudah tentu sama sekali mengecam kekerasan dan kezaliman yang dilakukan Israel ke atas rakyat Palestin."

"Kita mesti bersepakat menjelaskan kepada seluruh dunia akan pendirian Malaysia terhadap tindakan tidak berperikemanusiaan rejim Israel ini," jelas Baby Shima yang turut berasa bangga apabila Malaysia turut terlibat secara berterusan dalam memberikan sumbangan secara dua hala kepada Palestin selain sumbangan kepada badan-badan

Antara bentuk sumbangan yang diberikan adalah melalui Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP) seliaan Kementerian Luar Negeri, Malaysia telah menyumbang sebanyak AS\$10,000 (RM41,290) kepada Masjid Al-Aqsa pada tahun 2020.

Sumbangan tersebut disalurkan kepada Kementerian Awqaf, Jordan.

"Saya berbangga dengan kerajaan Malaysia yang sentiasa ada untuk membantu rakyat Palestin dari dulu sehingga ke saat ini."

"Walaupun negara masih dalam keadaan sukar menentang COVID-19, kerajaan tetap memikirkan apa yang terbaik buat umat Islam di sana."

"Bukan sahaja kerajaan, saya tahu ramai di luar sana turut berjihad menentang kezaliman ini dengan memberikan

sumbangan melalui badan-badan yang sah dan diiktiraf kerajaan."

"Selain itu, ramai artis dan masyarakat Malaysia menyatakan pendirian mereka menyokong perjuangan Palestin melalui media sosial masing-masing."

"Sehinggakan Israel sendiri terkesan dengan pendirian masyarakat Malaysia melalui tanda pagar Israel Koyak (#israelkoyak)."

"Apa yang saya boleh cakap, siapa pun kita, di mana pun kita berada, sama-sama kita menentang kezaliman ini dengan cara dan kemampuan masing-masing," ujar Baby Shima yang popular dengan lagu *Pura-Pura Bujang, Siapa Sih Kamu, You Dan Ysukku* serta banyak lagi. WK



BABY SHIMA